Cagamas Holdings

GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

# PERTUMBUHAN MAMPAN



LAPORAN TAHUNAN 2018

## GALAKAN PEMILIKAN RUMAH NEGARA

# PERTUMBUHAN MAMPAN

Kumpulan Cagamas komited terhadap mandatnya untuk mempromosikan penyebaran pemilikan rumah yang lebih meluas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Sejak bertahun-tahun, kami telah membantu merealisasikan impian pemilikan rumah melalui penyelesaian pendanaan yang inovatif serta menyokong program pemilikan rumah mampu milik Kerajaan, lantaran memainkan peranan kami dalam Galakan Pemilikan Rumah Negara.





CAGAMAS LAPORAN TAHUNAN 2018

# ISI KANDUNGAN


4 Struktur Korporat Kumpulan
5 Maklumat Korporat
6 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
10 Profil Lembaga Pengarah
15 Lembaga Pengarah & Jawatankuasa Lembaga Pengarah
16 Pemegang Syer
18 Kemuncak Korporat
28 Tanggungjawab Sosial Korporat
31 Anugerah dan Pencapaian
32 Cagamas Dalam Akhbar
34 Kemuncak Kewangan Kumpulan
36 Tinjauan Perniagaan
44 Penyata Kemampanan Sulung Cagamas
50 Penyata Pengerusi
58 Penyata Tadbir Urus Korporat
63 Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan
67 Penyata Kawalan Dalaman
69 Pengurusan Risiko
73 Maklumat Perangkaan
82 Cagamas Berhad
83 Profil Lembaga Pengarah
88 Kumpulan Pengurusan
90 Struktur Organisasi
92 Cagamas MBS Berhad
BNM Sukuk Berhad
Cagamas SME Berhad
Cagamas MGP Berhad
Cagamas SRP Berhad
93 Penyata Kewangan
226 Pendedahan Tunggak 3
• Borang Proksi






# VISI

Untuk menggalakkan pemilikan rumah dan menyumbang kepada pembangunan negara

# MISI

1 Menyokong inisiatif Kerajaan bagi pemilikan rumah

2 Menyediakan kecairan kepada sektor kewangan sebagai perbadanan gadai janji sekunder

3 Menyumbang kepada pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan lain-lain sektor keutamaan melalui penerbitan instrumen inovatif

4 Menawarkan penyelesaian pengurusan risiko dan modal yang disesuaikan sejajar dengan objektif Syarikat

5 Menerapkan budaya yang menggerakkan inisiatif yang mampan

6 Menggalakkan profesionalisme, integriti dan tadbir urus korporat yang baik



# STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

## Cagamas Holdings

- **CAGAMAS BERHAD** 100%
  - **CAGAMAS GLOBAL P.L.C.** (Diperbadankan di Labuan, Malaysia) 100%
  - **CAGAMAS GLOBAL SUKUK BERHAD** 100%
- **CAGAMAS MBS BERHAD[1]** 100%
- **BNM SUKUK BERHAD** 100%
- **CAGAMAS SME BERHAD** 100%
- **CAGAMAS MGP BERHAD** 100%
- **CAGAMAS SRP BERHAD** 100%

1 Satu Syer Keutamaan Boleh Tebus (RPS) bersamaan dengan 100% pemegangan RPS di dalam Cagamas MBS Berhad dipegang oleh Cagamas SRP Berhad secara amanah untuk Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

## 1 • Pejabat Berdaftar

Aras 32, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2262 1800
Faks : +603-2282 9125

## 2 • Setiausaha Syarikat

Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)

## 3 • Juruaudit

Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT
Aras 10, 1 Sentral, Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

## 4 • Jurubank

Malayan Banking Berhad



# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Keduabelas (ke-12) Cagamas Holdings Berhad akan diadakan di Bilik Mesyuarat 1 dan 2, Aras 4, Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, No. 2, Jalan Berjasa, 50480 Kuala Lumpur pada hari Jumaat, 3 Mei 2019 pada jam 11.00 pagi untuk melaksanakan urusan berikut:

| SEBAGAI URUSAN BIASA | | |
|---|---|---|
| 1. | Menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit yang terkandung. | |
| 2. | Meluluskan pembayaran berikut kepada para Pengarah:<br>(a) Yuran Pengarah sebanyak RM420,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018<br>(b) Yuran Pengarah dari 1 Januari 2019 hingga AGM yang ke-13 seperti dinyatakan di bawah, dibayar sebagaimana yang Pengarah akan tentukan:<br>(i) RM100,000 setahun kepada Pengerusi Lembaga Pengarah;<br>(ii) RM70,000 setahun kepada Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan<br>(iii) RM70,000 setahun kepada Ahli Lembaga Pengarah. | **(Resolusi Biasa 1)**<br>**(Resolusi Biasa 2)** |
| 3. | Meluluskan manfaat Pengarah terdiri daripada elaun mesyuarat belum bayar kepada Pengarah dari 1 Januari 2019 hingga ke AGM yang ke-13 seperti berikut:<br>(a) RM5,000 setiap mesyuarat bagi Pengerusi Lembaga Pengarah/Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan<br>(b) RM3,500 setiap mesyuarat kepada setiap Ahli Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah | **(Resolusi Biasa 3)** |
| 4. | Melantik semula para Pengarah berikut yang akan bersara menurut Artikel 19.13 dan 19.14 menurut Perlembagaan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:<br>(a) Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek<br>(b) Datuk Abdul Farid bin Alias | **(Resolusi Biasa 4)**<br>**(Resolusi Biasa 5)** |
| 5. | Melantik semula para Pengarah berikut yang akan bersara menurut Artikel 19.10 menurut Perlembagaan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:<br>(a) Dato' Bakarudin bin Ishak<br>(b) Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani | **(Resolusi Biasa 6)**<br>**(Resolusi Biasa 7)** |
| 6. | Melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka. | **(Resolusi Biasa 8)** |

| SEBAGAI URUSAN KHAS | | |
|---|---|---|
| Untuk mempertimbangkan dan, sekiranya sesuai, meluluskan Resolusi berikut: | | |
| 7. | Pengekalan Pengarah Bebas<br>BAHAWA Datuk George Ratilal dengan ini dikekalkan sebagai Pengarah Bebas bagi Syarikat sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya. | **(Resolusi Biasa 9)** |
| 8. | Cadangan Pindaan kepada Perlembagaan bagi Cagamas Holdings Berhad (Cadangan Pindaan)<br>BAHAWA Perlembagaan sedia ada bagi Syarikat akan dipinda, diubah, ditambah dan/atau dihapuskan, mengikut keadaan yang berkenaan, dalam bentuk dan cara yang dinyatakan dalam Lampiran A yang terkandung di dalam Laporan Tahunan 2018 Syarikat.<br><br>DAN BAHAWA para Pengarah hendaklah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara yang berkeperluan dan/atau bersesuaian untuk memberi kesan sepenuhnya kepada Cadangan Pindaan dengan kuasa penuh untuk bersetuju kepada sebarang syarat, pengubahsuaian dan/atau pindaan yang dikehendaki oleh sebarang pihak berkuasa yang berkaitan. | **(Resolusi Khas 1)** |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | Melaksanakan sebarang urusan lain di mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 2016 dan Perlembagaan Syarikat. | |

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)
Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
11 April 2019

## NOTA

1. Seorang ahli yang berhak untuk menghadiri dan mengundi di Mesyuarat boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Sekiranya seorang ahli melantik dua (2) orang proksi, perlantikan tersebut adalah tidak sah kecuali nisbah pegangan syer yang dipisahkan oleh setiap proksi dinyatakan. Seorang proksi boleh tetapi tidak semestinya merupakan seorang ahli Syarikat.
2. Sekiranya ahli syarikat adalah sebuah badan korporat, Borang Proksi ini mestilah dimeterai ataupun ditandatangani oleh wakil mutlaknya yang telah diberikuasa.
3. Kesemua Borang Proksi mestilah sempurna diisi dan diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Aras 32, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat berkenaan atau mesyuarat ditangguhkan mengikut keadaan yang berkemungkinan.

### Nota Keterangan bagi Urusan Biasa:

1. **Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018**

   Penyata Kewangan yang telah diaudit dibentangkan selaras dengan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 untuk tujuan perbincangan sahaja. Penyata Kewangan yang telah diaudit tidak memerlukan kelulusan para pemegang syer dan oleh yang sedemikian, tidak akan dikemukakan untuk pengundian.

2. **Resolusi Biasa 1 & 2 – Bayaran Yuran Pengarah**

   Lembaga Pengarah pada mesyuaratnya yang ke-46 pada 11 Disember 2018, telah bersetuju mengesyorkan untuk kelulusan para pemegang syer satu struktur yuran yang dicadangkan seperti berikut:

| No. | Kategori | Yuran Sedia ada* RM/setahun | Yuran Cadangan# (RM/setahun) |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi Lembaga Pengarah | RM60,000 | RM100,000 |
| 2. | Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah | RM55,000 | RM70,000 |
| 3. | Ahli | RM50,000 | RM70,000 |

* Dilaksanakan mulai 14 Julai 2011
\# Yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2019, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan ke-12

3. **Resolusi Biasa 3 – Bayaran Manfaat Pengarah**

   Lembaga Pengarah pada mesyuaratnya yang ke-46 pada 11 Disember 2018, telah bersetuju mengesyorkan untuk kelulusan para pemegang syer satu cadangan semakan untuk elaun mesyuarat belum bayar kepada para Pengarah seperti berikut:

| No. | Kategori | Elaun Mesyuarat Sedia ada* RM/setiap mesyuarat | Elaun Mesyuarat Cadangan# (RM/setiap mesyuarat) |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengerusi Lembaga Pengarah | RM4,500 | RM5,000 |
| 2. | Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah | RM4,500 | RM5,000 |
| 3. | Ahli | RM3,500 | RM3,500 |

* Dilaksanakan mulai 14 Julai 2011
\# Yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2019, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan ke-12

### Nota Keterangan mengenai Urusan Khas

4. **Resolusi Biasa 9 - Mengekalkan Pengarah Bebas**

   Resolusi yang dicadangkan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan para pemegang syer untuk mengekalkan Datuk George Ratilal sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Datuk George telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk tempoh terkumpul lebih daripada sepuluh (10) tahun. Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan telah melakukan penilaian yang perlu dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah agar Datuk George Ratilal dikekalkan sebagai Pengarah Bebas berdasarkan keupayaan beliau untuk memberi pandangan dan mengekalkan pertimbangan bebas beliau tanpa bias tanpa pengaruh daripada sesiapa.

5. **Resolusi Khas 1 - Cadangan Pindaan Perlembagaan bagi Syarikat**

   Resolusi Khas yang dicadangkan ini sekiranya diluluskan akan memberi kesan penuh kepada Pindaan Cadangan seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran A yang terkandung di dalam Laporan Tahunan 2018 Syarikat.

   Rasional atas Pindaan Cadangan ini adalah untuk penyelarasan Perlembagaan Syarikat dengan Akta Syarikat, 2016 yang telah dikuatkuasakan pada 31 Januari 2017.


SOK

# KONGAN

## Inisiatif Kerajaan dalam Pemilikan Rumah



# PROFIL LEMBAGA PENGARAH



**ENCIK NIK MOHD HASYUDEEN BIN YUSOFF**
Pengerusi
Bebas Bukan Eksekutif

54 tahun | 1 Januari 2017 (Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Julai 2017) | Malaysia | 4/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

## Kelayakan

- Ahli Fellow, CPA Australia
- Ijazah dalam Perniagaan, Curtin University of Technology, Perth

## Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

**Semasa**

- Pengasas, Inovastra Capital Sdn. Bhd.
- Pengarah, Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengarah, BIMB Holdings Berhad
- Pengarah, BIMB Investment Management Berhad
- Pengarah Berkepentingan Awam, Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM)
- Pengarah, TH Plantations Berhad
- Ahli Lembaga, Universiti Utara Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia)
- Pengarah, Al Hijrah Media Corporation

**Dahulu**

- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
  - Pengarah Eksekutif, Pengawasan Pasaran dan Korporat
  - Pengerusi Eksekutif, Lembaga Pemantauan Audit
- Ahli, Jawatankuasa Penyenaraian, Bursa Malaysia
- Panel Kajian Operasi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Presiden, Institut Akauntan Malaysia
- Naib Presiden, Persekutuan Akauntan ASEAN
- Eksekutif dan Jawatankuasa Strategi, Confederation of Asian and Pacific Accountants
- Pengerusi, Jawatankuasa untuk Mengukuhkan Profesion Perakaunan

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATUK SHAIK ABDUL RASHEED BIN ABDUL GHAFFOUR**
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

55 tahun | 1 Jun 2016 (Meletak Jawatan sebagai Pengarah berkuatkuasa 1 Januari 2019) | Malaysia | 4/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Pengerusi, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan
*(Meletak Jawatan sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Januari 2019)*

## Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

## Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain

**Semasa**

- Pengerusi, Cagamas Berhad
- Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia
  - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari
  - Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan
  - Ahli, Jawatankuasa Pengurusan
  - Ahli, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan
  - Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Rizab
  - Ahli, Jawatankuasa Pengurusan Risiko

**Dahulu**

- Pengarah, Cagamas Holdings Berhad
- Pengerusi, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah Eksekutif Gantian bagi Lembaga Eksekutif Malaysia, International Monetary Fund (IMF), Washington DC
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**TAN SRI DATO' SRI TAY AH LEK**
Bukan Bebas Bukan Eksekutif

76 tahun | 12 Ogos 2011 | Malaysia | 4/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Ahli, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

**Kelayakan**
- Fellow Emeritus, Institut Pengurusan Malaysia
- Ahli Fellow, Perbankan Bertauliah bagi the Asian Institute of Chartered Bankers
- Ahli Fellow, CPA Australia
- Ahli Fellow, Financial Services Institute of Australasia
- Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Henley, United Kingdom

**Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain**
**Semasa**
- Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Public Bank Berhad
  - Pengarah, Kumpulan Syarikat Public Bank
- Pengarah, Ombudsman for Financial Services (dahulu dikenali sebagai Financial Mediation Bureau)
- Ahli, Majlis Tindakan Ekonomi
- Pengerusi, Persatuan Syarikat-syarikat Sewa Beli Malaysia
- Ahli Majlis, Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia
- Ahli, Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Perunding Pemberi Khidmat bagi Majlis Penasihat Pembayaran Nasional

**Dahulu**
- Pengarah, Cagamas Berhad
- Naib Presiden Eksekutif, Public Finance
- Naib Presiden Eksekutif, Public Bank

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATUK GEORGE RATILAL**
Bebas Bukan Eksekutif

59 tahun | 12 Ogos 2011 | Malaysia | 2/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Pengerusi, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

**Kelayakan**
- Ijazah Sarjana (MBA), Aston University, United Kingdom
- Ijazah BA (Kepujian) Perakaunan, Birmingham City University

**Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain**
**Semasa**
- Pengarah Syarikat
- Pengarah, Genting Berhad

**Dahulu**
- Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan, Petroliam Nasional Berhad
- Bekerja di bank saudagar tempatan selama 18 tahun, khusus dalam kewangan korporat dan terlibat dalam khidmat penasihat penggabungan dan pemerolehan serta pasaran modal
- Pengarah, Petroliam Nasional Berhad
- Pengarah, PETRONAS Chemicals Group Berhad
- Pengarah, PETRONAS Gas Berhad
- Pengarah, PETRONAS Dagangan Berhad
- Pengarah, MISC Berhad
- Pengarah, APA Group
- Pengarah, RHB Investment Bank Berhad
- Pengarah, KLCC Property Holdings Berhad

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATUK ABDUL FARID BIN ALIAS**
Bukan Bebas Bukan Eksekutif

51 tahun | 6 Jun 2013 | Malaysia | 3/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Tiada

**Kelayakan**
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Universiti Denver, Amerika Syarikat
- Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Pennsylvania State University, Amerika Syarikat

**Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain**
**Semasa**
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Malayan Banking Berhad
  - Pengarah, Kumpulan Syarikat Maybank

**Dahulu**
- Timbalan Presiden & Ketua, Perbankan Global, Maybank
- Ketua, Antarabangsa, Maybank
- Schroders (L) Limited
- Malaysian International Merchant Bankers
- JP Morgan Securities
- Khazanah Nasional Berhad

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATUK AZIZAN BIN HAJI ABD RAHMAN**
Bebas Bukan Eksekutif

63 tahun | 1 Jun 2015 (Meletak Jawatan Sebagai Pengarah berkuatkuasa 1 Januari 2019) | Malaysia | 4/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (Meletak Jawatan berkuatkuasa 1 Januari 2019)

**Kelayakan**
- Ahli Fellow, CPA (Australia)
- Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, University of Queensland, Australia

**Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain**
**Semasa**
- Pengarah, Cagamas Berhad
- Pengarah, Cagamas SRP Berhad
- Pengerusi, Malaysian Rating Corporation Berhad
- Pengerusi, MIDF Amanah Investment Bank Berhad
- Pengerusi, Kensington Trust Malaysia Berhad
- Pengarah, Malaysian Industrial Development Finance Berhad
- Pengarah, OCBC Bank Malaysia Berhad
- Pengarah, OCBC Al-Amin Bank Berhad
- Pengarah, Danum Capital Berhad
- Ahli, Panel Jawatankuasa Penilaian, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Pengerusi, Kensington Trust Labuan Ltd.
- Pengarah, CTOS Holdings Sdn. Bhd.
- Pengarah, CTOS Data Systems Sdn. Bhd.
- Pengarah, City Credit Investment Bank Ltd., Labuan
- Pengarah, MARC Risk Management Solutions Sdn. Bhd.
- Pengarah, MARC Training Sdn. Bhd.

**Dahulu**
- Pengarah, Cagamas Holdings Berhad
- Pengarah, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
  - Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Pengarah, ERF Sdn. Bhd.
  - Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Ketua Pengarah, Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA)
- Pengarah, Penyeliaan Perbankan, Bank Negara Malaysia
- Pengarah, Barakah Offshore Petroleum Berhad
- Pengarah, Bank Simpanan Nasional
  - Permodalan BSN Berhad
  - Gibraltar BSN Life Berhad
  - Gibraltar BSN Holdings Sdn. Bhd.
  - Metro Money Exchange Sdn. Bhd.

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
- Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
- Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATO' LEE KOK KWAN**
Bukan Bebas Bukan Eksekutif

53 tahun | 12 Jun 2015 | Malaysia | 4/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Ahli, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

## Kelayakan
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Simon Fraser University di Kanada
- Ijazah Kepujian BBA Bersama (Kelas Pertama), Simon Fraser University di Kanada

## Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
**Semasa**
- Pengarah, CIMB Group Holdings
- Pengarah, CIMB Bank
- Pengerusi, BIX Malaysia (Bond & Sukuk Information Platform Sdn. Bhd.)
- Lembaga Pemegang Amanah, Dana Pembangunan Pasaran Modal
- Penasihat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- President, Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia

**Dahulu**
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, CIMB
- Pengurus Portfolio Perbendaharaan dengan sebuah bank terkemuka di Kanada dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan Aset-Liabiliti bank tersebut

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
– Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
– Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**PUAN WAN HANISAH BINTI WAN IBRAHIM**
Bebas Bukan Eksekutif

62 tahun | 26 Mei 2016 | Malaysia | 4/4

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Ahli, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

## Kelayakan
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

## Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
**Semasa**
- Pengarah, Cagamas MBS Berhad
- Pengarah, Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn. Bhd.

**Dahulu**
- Pengarah, LINK & Jabatan Pejabat Serantau, Bank Negara Malaysia (BNM)
  - Ketua Perwakilan, Pejabat BNM di London
  - Pengarah, Jabatan Antarabangsa, BNM
  - Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, BNM
  - Pengarah, Jabatan Pertukaran Asing, BNM

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
– Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
– Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATO' BAKARUDIN BIN ISHAK**
Bebas Bukan Eksekutif

58 tahun | 1 Januari 2019 | Malaysia | Tiada

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Pengerusi, Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

## Kelayakan
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya

## Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
**Semasa**
- Pengarah, Cagamas SRP Berhad
- Pengarah, Affin Islamic Bank Berhad
- Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear)
- Ahli dan Majlis Tadbir, International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)
- Panel Pelaburan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**Dahulu**
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
  - Ahli, Jawatankuasa Dasar Monetari
  - Pengarah, Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing
  - Pengarah, Jabatan Perbankan Islam dan Takaful

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
– Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
– Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



**DATUK SERI DR. NIK NORZRUL THANI BIN N. HASSAN THANI**
Bebas Bukan Eksekutif

59 tahun | 1 Januari 2019 | Malaysia | Tiada

**Keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Tiada

## Kelayakan
- Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Undang-undang, the School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London
- Diploma Lepasan Ijazah dalam Undang-undang dan Amalan Syariah (dengan Kepujian), International Islamic University Malaysia
- LL.M, Queen Mary College, University of London
- Barrister at Law, Lincoln's Inn.
- LL.B (Hons), University of Buckingham

## Pengalaman Kerja/Jawatan Pengarah Lain
**Semasa**
- Pengerusi dan Rakan Kongsi Kanan, Zaid Ibrahim & Co. (ZICO) /Peguambela & Peguamcara
- Pengerusi, Chin Hin Group Berhad
- Pengerusi, T7 Global Berhad
- Pengerusi, Pengurusan Aset Air Berhad
- Pengarah, Amanah Saham Nasional Bhd
- Pengarah, The Asian Institute of Finance (AIF) (entiti latihan dan pendidikan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)
- Pengerusi, Perbadanan Tabung Pampasan Pasaran Modal (ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia)
- Pengerusi, Majlis Perniagaan Malaysia – Singapore
- Practising Member, Chartered Institute of Islamic Finance Professionals (CIIF)
- Ahli, Chartered Institute of Marketing (United Kingdom)
- Ahli Fellow, Financial Services Institute of Australasia (FINSIA)
- Ahli Fellow Pelawat Kanan, Melbourne Law School, University of Melbourne, Australia
- Notari Awam Berdaftar

**dahulu**
- Ahli Scholar Pelawat Fulbright, Harvard Law School (1996-1997)
- Ahli Fellow Pelawat Chevening, Pengajian Islam di Oxford Centre, Universiti Oxford (2004-2005)
- Timbalan Dekan Fakulti Undang-undang, International Islamic University Malaysia
- Perunding Undang-undang, Dana Rizab Am Negara (SGRF), dana kekayaan bagi Kesultanan Oman
- Pengarah, Tabung Haji
- Ahli Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan Malaysia (MAIWP) (Dilantik oleh Kebawah Duli Yang Di Pertuan Agong Malaysia)
- Pengerusi dan Pengarah, Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
- Pengerusi dan Pengarah, Perodua Sales Sdn. Bhd. dan Perodua Otomobil Kedua Sdn. Bhd.
- Pengerusi, UMW Manufacturing & Engineering
- Pengarah, Manulife Holdings Berhad
- Pengarah, Manulife Insurance Berhad
- Pengarah, UMW Holdings Berhad
- Pengarah, Fraser & Neave Holdings Berhad
- Pengarah, MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
- Pengarah, Ranhill Holdings Berhad

**Perakuan**
Pengarah ini tidak mempunyai:
– Hubungan keluarga dengan mana-mana pengarah Syarikat.
– Konflik kepentingan dengan Syarikat dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

# LEMBAGA PENGARAH & JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah), yang dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan/wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif beberapa institusi kewangan terpilih serta ahli-ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am bagi Syarikat.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan mengkaji audit yang dibuat oleh juruaudit luar ke atas Kumpulan Syarikat Cagamas di samping keberkesanan tatacara-tatacara kewangan dan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan agar selari dengan amalan terbaik, menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan mencadangkan pelantikan-pelantikan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

## LEMBAGA PENGARAH

### Pengerusi Lembaga Pengarah

- Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff

### Pengarah

- Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
- Datuk George Ratilal
- Datuk Abdul Farid bin Alias
- Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman *(Meletak Jawatan berkuatkuasa 1 Januari 2019)*
- Dato' Lee Kok Kwan
- Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim
- Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour *(Meletak Jawatan berkuatkuasa 1 Januari 2019)*
- Dato' Bakarudin bin Ishak *(Dilantik berkuatkuasa 1 Januari 2019)*
- Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani *(Dilantik berkuatkuasa 1 Januari 2019)*

### Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan

- Datuk George Ratilal (Pengerusi)
- Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman *(Meletak Jawatan berkuatkuasa 1 Januari 2019)*
- Dato' Lee Kok Kwan
- Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim

### Ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan

- Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour (Pengerusi) *(Meletak Jawatan berkuatkuasa 1 Januari 2019)*
- Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
- Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff
- Dato' Bakarudin bin Ishak *(Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Januari 2019)*

# PEMEGANG SYER

## STRUKTUR MODAL SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD PADA 18 MAC 2019

Modal diterbitkan dan berbayar : 150 juta syer biasa RM1 setiap satu

## STRUKTUR PEMEGANGAN SYER PADA 18 MAC 2019




| Institusi | % Pemegangan Syer | Bilangan Pemegang Syer | Julat % Pemegangan Syer |
|---|---|---|---|
| Bank Negara Malaysia | 20.0 | 1 | 20.0 |
| Bank Perdagangan | 76.7 | 18 | 0.2 – 16.5 |
| Bank Pelaburan | 3.3 | 4 | 0.4 – 1.6 |
| **Jumlah** | **100.0** | **23** | |

## ANALISIS PEMEGANGAN SYER PADA 18 MAC 2019

| Saiz Pemegangan Syer | Bilangan Pemegang Syer | % Pemegang Syer | Bilangan Syer Dipegang | % Modal Diterbitkan |
|---|---|---|---|---|
| 100,001 ke kurang dari 7,500,000 (5% daripada syer yang diterbitkan) | 16 | 70.0 | 31,395,000 | 20.9 |
| 7,500,000 (5%) dan lebih | 7 | 30.0 | 118,605,000 | 79.1 |

## PEMEGANG SYER CAGAMAS HOLDINGS BERHAD PADA 18 MAC 2019

| Pemegang Syer | Bilangan Syer | % Pemegang Syer |
|---|---|---|
| **Bank Negara Malaysia** | **30,000,000** | **20.0** |
| **CIMB Bank Berhad** | **24,684,000** | **16.5** |
| **Malayan Banking Berhad** | **21,279,000** | **14.2** |
| **Kumpulan RHB Bank** | **12,932,400** | **8.6** |
| RHB Bank Berhad | 11,732,400 | 7.8 |
| RHB Investment Bank Berhad | 1,200,000 | 0.8 |
| **AmBank (M) Berhad** | **12,066,000** | **8.0** |
| **Kumpulan Public Bank** | **10,485,600** | **7.0** |
| Public Bank Berhad | 9,885,600 | 6.6 |
| Public Investment Bank Berhad | 600,000 | 0.4 |
| **Hong Leong Bank Berhad** | **8,958,000** | **6.0** |
| **HSBC Bank Malaysia Berhad** | **6,201,000** | **4.1** |
| **Kumpulan Alliance Bank** | **5,583,000** | **3.7** |
| Alliance Bank Malaysia Berhad | 3,183,000 | 2.1 |
| Alliance Investment Bank Berhad | 2,400,000 | 1.6 |
| **Standard Chartered Bank Malaysia Berhad** | **4,590,000** | **3.1** |
| **Kumpulan Affin Bank** | **4,410,000** | **2.9** |
| Affin Bank Berhad | 3,660,000 | 2.4 |
| Affin Hwang Investment Bank Berhad | 750,000 | 0.5 |
| **United Overseas Bank (Malaysia) Berhad** | **3,330,000** | **2.2** |
| **OCBC Bank (Malaysia) Berhad** | **2,997,000** | **2.0** |
| **MUFG Bank Malaysia Berhad** (dahulu dikenali sebagai Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad) | **738,000** | **0.5** |
| **SIBB Berhad** | **450,000** | **0.3** |
| **Bangkok Bank Berhad** | **369,000** | **0.3** |
| **The Bank of Nova Scotia Berhad** | **327,000** | **0.2** |
| **Deutsche Bank (Malaysia) Berhad** | **300,000** | **0.2** |
| **Bank of China (Malaysia) Berhad** | **300,000** | **0.2** |
| **Jumlah** | **150,000,000** | **100.0** |

## JANUARI

### Golf Persahabatan Cagamas 2018



Cagamas mengadakan acara Golf Persahabatan Cagamas 2018 di Kelab Rahman Putra Malaysia, yang memperlihatkan penyertaan wakil-wakil kanan daripada pihak berkuasa pengawalselia kewangan dan kumpulan syarikat Cagamas. Kesemua perserta seronok mengasah bakat golf masing-masing, memperbaharui kenalan serta berkongsi nilai-nilai dan kepercayaan yang baru.

### Hari Sukuk Formosa Taipei (Taipei Formosa Sukuk Day) dan Mesyuarat Para Pelabur




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Hari Sukuk Formosa Taipei (Taipei Formosa Sukuk Day) yang dianjurkan oleh Natixis Corporate & Investment Banking, di mana beliau bercakap mengenai *Operasi Perniagaan Cagamas*. Datuk Chung juga mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan para pelabur di Taipei.

## FEBRUARI

### Mesyuarat Perniagaan di Beijing



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat perniagaan dengan People's Bank of China yang diketuai oleh Encik Ma Jianyang, Naib Ketua Pengarah, Jabatan Pasaran Kewangan di Beijing.

### Forum Bon Dilindungi Asia Euromoney/ECBC 2018 (Euromoney/ECBC Asian Covered Bond Forum 2018)




Naib Presiden Kanan, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Encik Delvin Chong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Bon Dilindungi Asia Euromoney/ECBC 2018 (Euromoney/ECBC Asian Covered Bond Forum 2018) yang dianjurkan oleh Euromoney dan European Covered Bond Council (ECBC) yang diadakan di Singapura. Encik Chong bercakap pada sesi panel mengenai *Kelahiran Semula Pensekuritian: Pelengkap atau Alternatif kepada Bon yang Dilindungi*.

### Simposium Pasaran Modal Dunia 2018 (World Capital Markets Symposium 2018)




Cagamas mengambil bahagian sebagai penaja perak pada Simposium Pasaran Modal Dunia 2018 (World Capital Markets Symposium 2018) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia) di Kuala Lumpur. Cagamas juga menjadi hos perwakilan asing dari Brunei, Indonesia, Thailand, Sweden dan Singapura.

### Lawatan oleh PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO)




Cagamas menerima kunjungan delegasi daripada PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO) dari Indonesia untuk taklimat mengenai *Gadai Janji – Pembangunan Produk Pembelian tanpa Rekursa*.

## FEBRUARI

### Lawatan Perniagaan oleh PetroBangla dan Putra Business School




Cagamas mengalu-alukan lawatan delegasi daripada PetroBangla Bangladesh, yang dianjurkan oleh Putra Business School, Universiti Putra Malaysia untuk taklimat mengenai *Polisi dan Amalan Sumber Manusia Cagamas.*

### Penyampaian kepada Politeknik Nilai



Naib Presiden, Pembangunan & Pengurusan Produk, Perniagaan Islam, Encik Iqta Farish Shahrir mewakili Cagamas untuk bercakap mengenai *Sukuk Cagamas* di Fakulti Perniagaan Islam dan Kewangan, Politeknik Nilai Negeri Sembilan.

## MAC

### Persidangan GST Kebangsaan 2018 (National GST Conference 2018)



Cagamas mengambil bahagian sebagai penaja gangsa pada Persidangan GST Kebangsaan 2018 (National GST Conference 2018) yang dianjurkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Royal Malaysian Customs Department) dan Institut Cukai Berkanun Malaysia (Chartered Tax Institute of Malaysia) di Kuala Lumpur.

### Temubual dengan The Wall Street Journal dalam Rakan Kongsi dengan The Business Debat



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong telah ditemubual oleh The Wall Street Journal dalam rakan kongsi bersama The Business Debate di Bursa Saham London (London Stock Exchange), United Kingdom. Topik temubual tersebut mengenai *Pertumbuhan Kewangan Islam di Masa Hadapan.*

### Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Cagamas Berhad dan PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO)



Cagamas menandatangani Memorandum Persefahaman dengan PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO) (SMF), Indonesia yang bertujuan untuk mempertingkatkan pembangunan bersama kewangan gadai janji sekunder kedua-dua negara. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Pengarah Presiden, Encik Ananta Wiyogo masing-masing mewakili Cagamas dan SMF pada majlis yang disaksikan oleh Ketua Pengarah Pengurusan Aset, Indonesia dan perwakilan daripada Kementerian Kewangan Republik Indonesia (Ministry of Finance of the Republic of Indonesia) dan Kementerian Kerja Raya & Perumahan Indonesia (Ministry of Public Works & Housing Indonesia), serta pegawai kanan kedua-dua organisasi.

### Mesyuarat Perniagaan dengan Para Pelabur di London



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan bersama para pelabur di London. Mereka juga bertemu dengan pegawai-pegawai Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di London.

## APRIL

### Mesyuarat Perniagaan dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat perniagaan yang diadakan dengan Datuk Kamal Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.

### Majlis Tandatangan antara MBSB Bank Berhad dan Cagamas SRP Berhad



MBSB Bank Berhad dan Cagamas SRP Berhad menandatangani perjanjian berhubung dengan Program Jaminan Gadai Janji dan penyertaan MBSB Bank Berhad dalam Skim Rumah Pertamaku. Majlis tandatangan tersebut yang berlangsung di Kuala Lumpur telah diserikan oleh Tan Sri Abdul Halim Ali – Pengerusi MBSB Bank Berhad, Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff – Pengerusi Cagamas Holdings Berhad, Datuk Chung Chee Leong – Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Berhad dan Pengarah Cagamas SRP Berhad.

### Golf Persahabatan Cagamas-Danajamin 2018



Cagamas mengambil bahagian dalam permainan golf persahabatan dengan Danajamin Nasional Berhad di Kota Seriemas Golf & Country Club, Nilai, Negeri Sembilan. Permainan ini memperlihatkan penyertaan daripada wakil-wakil daripada kedua-dua organisasi, yang diketuai oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin, Encik Mohamed Nazri Omar.

### Mesyuarat Agung Tahun Kesebelas Cagamas Holdings Berhad



Cagamas Holdings Berhad mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kesebelas di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

## MEI

### Forum Asia IFN 2018 (IFN Asia Forum 2018)




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel dan jurucakap pada Forum Asia IFN 2018 (IFN Asia Forum 2018) di Kuala Lumpur. Beliau bercakap pada perbincangan panel mengenai topik *Pilihan Pembiayaan dan Kenaikan Modal Hari Ini untuk Para Penerbit* dan mengambil bahagian sebagai jurucakap pada Mejabulat Kenaikan Modal Korporat 2018. Cagamas juga mengambil bahagian sebagai rakan penaja pada majlis tersebut.

### Mesyuarat-Mesyuarat Perniagaan di Singapura



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan para pelabur di Singapura sebagai sebahagian daripada Forum Pelabur Asia Standard Chartered Bank 2018 (Standard Chartered Bank's Asia Investor Forum 2018).

## MEI

### Persidangan Hub Asia Pasifik Suruhanjaya Sekuriti Malaysia – Bank Dunia – International Organization of Securities Commissions 2018 (Securities Commission Malaysia – World Bank – International Organization of Securities Commissions Asia Pacific Hub Conference 2018)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel di Persidangan Hub Asia Pasifik Suruhanjaya Sekuriti Malaysia – Bank Dunia – International Organization of Securities Commissions (IOSCO) 2018 (Securities Commission Malaysia – World Bank – International Organization of Securities Commissions (IOSCO) Asia Pacific Hub Conference 2018): Memanfaatkan Kewangan Hijau Islam untuk Masa Hadapan. Datuk Chung bercakap pada sesi mengenai *Prospek Kewangan Hijau Islam*.

### Lawatan oleh Delegasi dari China



Cagamas menerima kunjungan delegasi dari China yang terdiri daripada wakil-wakil Bursa Saham Shenzhen (Shenzhen Stock Exchange) dan HSBC Qianhai Securities Limited.

## JUN

### Persidangan Kewangan Perumahan Global ke-8




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Persidangan Kewangan Perumahan Global ke-8 (8th Global Housing Finance Conference) dianjurkan oleh Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group) di Washington D.C. dan bercakap pada sesi mengenai *Penyelesaian Pembiayaan Pasaran Modal*.

### Pelancaran Komuniti Global untuk Institusi Pasaran Gadai Janji Sekunder



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong menghadiri pelancaran Komuniti Global untuk Institusi-Institusi Pasaran Gadai Janji Sekunder di Bank Dunia di Washington D.C. yang memperlihatkan pembentukkan Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Antarabangsa (ISMMA). Cagamas telah dipilih sebagai Pengerusi pertama ISMMA.

### Mesyuarat dengan Fannie Mae di Washington D.C.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat perniagaan dengan Fannie Mae di Washington D.C.

### Mesyuarat Perniagaan di Hong Kong



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan di Hong Kong. Datuk Chung bertemu dengan Encik Raymond Li, JP, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai-pegawai kanan Hong Kong Mortgage Corporation. Mereka juga bertemu dengan Encik Angus Lau, Pengarah Bersekutu, Jabatan Pengurusan Rizab, Hong Kong Monetary Authority.

### Mesyuarat Perniagaan dengan Para Pelabur di Hong Kong



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan di Hong Kong sebagai sebahagian daripada Persidangan Kredit Asia HSBC ke-2 (2nd HSBC Asia Credit Conference). Mereka juga bertemu dengan para pelabur lain di Hong Kong.

## JULAI

### Sidang Kemuncak Pendapatan Tetap Asia ke-5 2018 (5th Asian Fixed Income Summit 2018)




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Sidang Kemuncak Pendapatan Tetap Asia ke-5 (5th Asian Fixed Income Summit), dihoskan oleh Mongolian Mortgage Corporation di Ulaanbaatar, Mongolia. Datuk Chung juga mengambil bahagian dalam sesi panel mengenai *Penyelesaian Kewangan Perumahan.*

### Mesyuarat Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia 2018 (Asian Secondary Mortgage Market Meeting 2018)



Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia (Asian Secondary Mortgage Market Association) mengadakan mesyuarat tahunan kelimanya di Ulaanbaatar, Mongolia. Mesyuarat itu memperlihatkan ketua-ketua institusi gadai janji sekunder daripada negara-negara anggota termasuk Malaysia, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea, Thailand dan Mongolia berkumpul untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran serta inovasi produk.

### Lawatan oleh Delegasi daripada PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO)




Cagamas mengalu-alukan kunjungan delegasi daripada PT Sarana Multigriya Finansial (PERSERO), diketuai oleh Pengarah Presiden, Encik Ananta Wiyogo untuk membincangkan ruang untuk bekerjasama.

### Mesyuarat Perniagaan dengan Para Pelabur di Beijing



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan bakal pelabur di Beijing, China.

### Seminar Perumahan dan Pembangunan Bandar – Government Housing Bank (Government Housing Bank – Housing and Urban Development Seminar)

Naib Presiden Kanan, Perbendaharaan & Pasaran Modal, Encik Delvin Chong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Seminar Perumahan dan Pembangunan Bandar (Housing and Urban Development Seminar) dianjurkan oleh Government Housing Bank of Thailand di Bangkok, Thailand. Beliau bercakap mengenai topik *Kejayaan Inovasi Kewangan Perumahan di Rantau ini.*

### Malaysia: Dialog Pertumbuhan Pesat Penerbit-Penerbit dan Ketua-Ketua Pelabur 2018 (Malaysia: Accelerating Growth Issuers and Investors Leaders Dialogue 2018)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel di Malaysia: Dialog Pertumbuhan Pesat Penerbit-Penerbit dan Ketua-Ketua Pelabur 2018 (Malaysia: Accelerating Growth Issuers and Investors Leaders Dialogue 2018) dianjurkan oleh The Asset Publishing & Research Limited di Kuala Lumpur.

### Anugerah Kewangan Islam Triple A Asset 2018 (The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2018)



Cagamas telah dinobatkan anugerah Penerbit Islam Tahun 2018-Quasi-Berdaulat di Anugerah Kewangan Islam Triple A Asset 2018 (The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2018). Cagamas juga diberikan anugerah Sukuk Quasi-Berdaulat Terbaik untuk pembukaan semula dwi sukuk tiga tahun 475 juta ringgit dan 525 juta ringgit. Datuk Chung Chee Leong, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif menerima anugerah itu bagi pihak Cagamas pada majlis yang berlansung di Kuala Lumpur.

## JULAI

### Bengkel Pasaran Kewangan Perumahan Wilayah Yangon (Yangon Region Housing Finance Market Workshop)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Bengkel Pasaran Kewangan Perumahan Wilayah Yangon (Yangon Region Housing Finance Market Workshop) dihoskan bersama oleh Yangon Region Government dan Asian Development Bank di Yangon, Myanmar. Datuk Chung bercakap mengenai *Pembangunan Pasaran Kewangan Perumahan di Malaysia*. Bengkel itu telah dirasmikan oleh Encik U Phyo Min Thein, Ketua Menteri, Kerajaan Wilayah Yangon.

### Bengkel Penstrukturan Sukuk & Pensekuritian Islam (Structuring Sukuk & Islamic Securitisation Workshop)



Naib Presiden, Pembangunan & Pengurusan Produk, Perniagaan Islam, Encik Iqta Farish Shahrir mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Bengkel Penstrukturan Sukuk & Pensekuritian Islam (Structuring Sukuk & Islamic Securitisation Workshop) dianjurkan oleh SHAPE Knowledge. Beliau bercakap mengenai topik *Pengalaman Penerbit dalam Pasaran Sukuk*.

### Forum Kapitalisme Mampan: Perniagaan yang Baik (Sustainable Capitalism Forum: Better for Business)



Naib Presiden Kanan, Pembangunan Perniagaan & Produk, Encik Azizi Ali mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Forum Kapitalisme Mampan: Perniagaan yang Baik (Sustainable Capitalism Forum: Better for Business) dianjurkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia). Beliau bercakap mengenai topik *Bagaimana Kami Mencapai Laluan Pantas Pertumbuhan Pelaburan Mampan di Asia?*

### Cabaran Golf Jemputan Cagamas 2018



Cagamas mengadakan Cabaran Golf Jemputan Cagamas 2018 di Kota Permai Golf & Country Club, Kota Kemuning, Shah Alam yang memperlihatkan penyertaan daripada pemain-pemain golf yang terdiri daripada badan pengawalseliaan bersekutu, institusi-institusi kewangan dan korporat dari Malaysia.

## OGOS

### Memorandum Kerjasama antara Secondary Mortgage Corporation Thailand dan Cagamas Berhad



Cagamas menandatangani Memorandum Kerjasama dengan Secondary Mortgage Corporation (SMC) Thailand, bertujuan membangunkan kerjasama pasaran gadai janji di kedua-dua buah negara. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Presiden, Puan Wasukarn Visansawatdi masing-masing mewakili Cagamas dan SMC pada majlis yang disaksikan oleh Encik Boonchai Charassangsomboon, Pengerusi SMC.

### Ceramah Kewangan di Bangkok, Thailand



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai penceramah jemputan pada ceramah kewangan dianjurkan oleh Secondary Mortgage Corporation (SMC) Thailand di Bangkok. Beliau bercakap mengenai topik *Perjalanan Cagamas ke arah Kejayaan*. Ceramah itu telah dihadiri oleh pihak-pihak berkepentingan SMC Thailand.

## OGOS

### Mesyuarat-Mesyuarat Perniagaan di Thailand



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan para pelabur berpotensi di Bangkok, Thailand.

### Retreat Strategik Cagamas Berhad



Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan menghadiri Retreat Strategik Cagamas di Rasa Sayang Resort di Pulau Pinang, Malaysia.

### Majlis Pengetahuan di Asian Development Bank di Manila, Filipina



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap jemputan pada majlis ceramah pengetahuan dianjurkan oleh Jabatan Penyelidikan Ekonomi dan Kerjasama Serantau serta Jabatan Rantau Asia Selatan, Asian Development Bank di Manila, Filipina. Beliau bercakap mengenai *Penyelesaian Kewangan Perumahan di Malaysia*.

## SEPTEMBER

### Mesyuarat Perniagaan di Singapura



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan para pelabur sedia ada dan berpotensi di Singapura.

### Persidangan Euromoney – Forum Pelabur-Pelabur & Peminjam-Peminjam Global Asia – Singapura Asia (Euromoney Conferences – The Global Borrowers & Investors Forum – Asia Singapore)




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Pelabur-Pelabur & Peminjam-Peminjam Global Euromoney – Asia (Euromoney Global Borrowers & Investors Forum – Asia) di Singapura. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Membangunkan Pasaran Bon Asia: Penerbit-Penerbit Asia, Pelabur-Pelabur Global*.

### Lawatan oleh Setiausaha Agung, Islamic Financial Services Board



Cagamas menerima kunjungan hormat daripada Dr. Bello Lawal Danbatta, Setiausaha Agung, Islamic Financial Services Board untuk membincangkan mengenai isu kolaborasi dan kerjasama.

### Bursa Bull Charge 2018




Cagamas mengambil bahagian dalam Bursa Bull Charge kelima dianjurkan oleh Bursa Malaysia Berhad. Dana yang terkumpul adalah untuk rumah dan persatuan amal yang terpilih.

### Persidangan Kewangan Berstruktur 2018 – Pensekuritian dan Bon-Bon Dilindungi Asia (Structured Finance Conference 2018 – Asian Securitisation and Covered Bonds)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Persidangan Kewangan Berstruktur 2018 (Structured Finance Conference 2018) dianjurkan oleh Asia Securities Industry & Financial Markets Association di Singapura. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Pensekuritian dan Bon-Bon Dilindungi Asia*.

## SEPTEMBER

### Anugerah Kewangan Islam Global 2018 (Global Islamic Finance Awards 2018)



Cagamas dinobatkan anugerah Sokongon Kewangan Islam 2018 (Pasaran Modal) pada Anugerah Kewangan Islam Global ke-8 (8th Global Islamic Finance Awards) pada 29 September 2018. Encik Azizi Ali, Naib President Kanan, Pembangunan Perniagaan & Produk menerima anugerah tersebut bagi pihak Cagamas pada majlis yang berlansung di Sarajevo, Bosnia dan Herzegovina.

### Forum IFN Indonesia 2018 (IFN Forum Indonesia 2018)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Forum IFN Indonesia 2018 (IFN Forum Indonesia 2018) di Jakarta, Indonesia. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai Sukuk, *Pasaran Modal dan Penilaian* di Indonesia.

### Majlis Makan Malam Tahunan Kumpulan Syarikat Cagamas 2018



Cagamas menandakan sambutan ulang tahun ke-31 pada majlis makan malam tahunannya di Kuala Lumpur. Majlis itu juga memperlihatkan penerima-penerima Program Biasiswa Cagamas 2018, biasiswa bebas bon yang diberikan kepada individu-individu yang layak.

## OKTOBER

### Memorandum Persefahaman antara Mongolian Mortgage Corporation dan Cagamas Berhad



Cagamas menandatangai Memorandum Persefahaman dengan Mongolian Mortgage Corporation (MIK) bertujuan membangunkan kerjasama pasaran gadai janji di kedua-dua buah negara. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong dan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Gantulga Badamkhatan masing-masing mewakili Cagamas dan MIK, pada majlis yang disaksikan oleh Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Pengerusi Cagamas Holdings Berhad dan Encik Boldbaatar Dagva daripada Bank of Mongolia.

### Forum Kewangan Islam Global 2018 (Global Islamic Finance Forum 2018)



Cagamas mengambil bahagian sebagai penaja perak pada Forum Kewangan Islam Global 2018 (Global Islamic Finance Forum 2018) di Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Association of Islamic Banking Institutions Malaysia. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada sesi panel mengenai *Integrasi Kemampanan dan Tanggungjawab Pembiayaan ke dalam Sektor Kewangan.*

### Forum Bon, Pinjaman & Sukuk, Penerbit & Pelabur Pasaran Baru (Bonds, Loans & Sukuk, Emerging Markets Issuers & Investors Forum)




Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Forum Bon, Pinjaman & Sukuk, Penerbit & Pelabur Pasaran Baru (Bonds, Loans & Sukuk, Emerging Markets Issuers & Investors Forum) yang berlangsung bersempena dengan Mesyuarat Tahunan Bank Dunia dan International Monetary Fund di Bali, Indonesia. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Selatan Asia dan Asia Tenggara: Bagaimana Penerbit Mempelbagaikan Struktur Modal Mereka dengan Menarik Pelabur Asing ke Mata Wang Tempatan dan Hutang USD?*

### Persidangan Perumahan 2018 – Perumahan dalam Era Perubahan: Arah Baru (Housing Conference 2018 – Housing in Era of Change: A New Direction)



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Persidangan Perumahan 2018 (Housing Conference 2018) dianjurkan oleh Institut REHDA di Kuala Lumpur. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Perumahan Milenial.*

## OKTOBER

### Mesyuarat Agung Luar Biasa Cagamas Berhad Bagi Para Pemegang Saham



Cagamas mendapat persetujuan daripada pemegang-pemegang saham berhubung dengan penambahan dan peluasan tempoh Program Nota Jangka Sederhana melalui Mesyuarat Agung Luar Biasa yang berlansung di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

### Mesyuarat-Mesyuarat Perniagaan di Hong Kong dan Jepun



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk siri mesyuarat-mesyuarat perniagaan dengan para pelabur sedia ada dan berpotensi di Hong Kong dan Tokyo, Jepun.

### Lawatan Akademik daripada Universiti Kuala Lumpur Business School




Cagamas mengalu-alukan kedatangan para pelajar daripada Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam Kewangan Islam, Universiti Kuala Lumpur Business School. Para pelajar itu telah diberi taklimat oleh Encik Iqta Farish Shahrir, Naib Presiden, Pembangunan & Pengurusan Produk, Perniagaan Islam mengenai *peranan Cagamas di dalam Pembiayaan Perumahan Islam.*

### Cagamas Menaja Makan Malam Graduasi INCEIF 2018



Cagamas mengambil bahagian sebagai penaja pada Makan Malam Graduasi Konvokesyen ke-10 International Centre for Education in Islamic Finance 2018.

## NOVEMBER

### Komentari Bajet 2019 (Budget 2019 Commentary) oleh Institut REHDA



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai ahli panel pada Komentari Bajet 2019 (Budget 2019 Commentary) dianjurkan oleh Institut REHDA di Kuala Lumpur. Datuk Chung bercakap pada sesi panel mengenai *Galakan Pemilikan Rumah Negara, Memperkasa Pembeli.*

### Sidang Kemuncak Pasaran Bon Asia ke-13 2018 The Asset (The Asset 13th Asian Bond Markets Summit 2018)



Cagamas mengambil bahagian sebagai penaja pada Sidang Kemuncak Pasaran Bon Asia ke-13 2018 The Asset (The Asset 13th Asian Bond Markets Summit 2018) dianjurkan oleh Asset Publishing and Research Limited. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mewakili Cagamas sebagai jurucakap Ucapan Pembukaan sementara Encik Delvin Chong, Naib Presiden Kanan, Perbendaharaan & Pasaran Modal mewakili Cagamas sebagai ahli panel dan bercakap pada sesi panel mengenai *Kemampanan Bon-Bon dan Pelaburan ESG.*

## NOVEMBER

### Mesyuarat Perniagaan di Singapura



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Chung Chee Leong mengetuai delegasi daripada Cagamas untuk mesyuarat perniagaan dengan para pelabur sedia ada dan berpotensi di Singapura.

### Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Asia 2018 (Leadership Energy Summit Asia 2018)



Cagamas participated as an associate sponsor at the Leadership Energy Summit Asia 2018 which was organised by The ICLIF Leadership & Governance Centre in Kuala Lumpur Convention Centre.

### Larian Mighty Danajamin 2018 (Danajamin Mighty Run 2018)




Cagamas mengambil bahagian dalam Larian Mighty Danajamin 2018 (Danajamin Mighty Run 2018) dianjurkan oleh Danajamin Nasional Berhad. Dana yang dikumpul adalah untuk membantu Persatuan Autisme Nasional Malaysia

### Lawatan oleh Delegasi daripada Kajian Pasaran Perumahan di Wilayah Yangon



Cagamas menerima kunjungan delegasi daripada Kerajaan Wilayah Yangon diketuai oleh HE Daw Nilar Kyaw, Menteri Elektrik, Industri, Pengangkutan dan Komunikasi. Delegasi itu terdiri daripada wakil-wakil daripada Kerajaan Wilayah Yangon, Kementerian Pembinaan, Kementerian Perancangan dan Kewangan, Central Bank of Myanmar, Housing and Infrastructure Development Bank dan juga wakil-wakil daripada Asian Development Bank yang berada dalam lawatan Kajian Pasaran Perumahan di Malaysia. Bidang minat mereka termasuk pembiayaan gadai janji sekunder dan khususnya operasi Cagamas.

### Lawatan Akademik daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis



Cagamas mengalu-alukan kedatangan para pelajar daripada Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) Kewangan, UiTM Arau, Perlis. Para pelajar diberi taklimat oleh Encik Azizi Ali, Naib Presiden Kanan, Pembangunan Perniagaan & Produk dan Encik Iqta Farish Shahril, Naib Presiden, Pembangunan & Pengurusan Produk, Perniagaan Islam mengenai peranan Cagamas serta produk Islam dan konvensionalnya.

## DISEMBER

### Forum Industri Finance Accreditation Agency (Finance Accreditation Agency Industry Forum)



Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Proses Perniagaan, Puan Norazilla Md. Tahir mewakili Cagamas sebagai jurucakap pada Forum Industri Finance Accreditation Agency (Finance Accreditation Agency Industry Forum) dianjurkan oleh Finance Accreditation Agency (FAA) di Kuala Lumpur. Puan Norazilla bercakap pada sesi mengenai *Implikasi dan Strategi untuk Perancangan Tenaga Kerja dan Pengurusan Bakat Melangkah ke Hadapan*.

### Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia 2018



Persatuan Pasaran Gadai Janji Sekunder Asia (ASMMA) mengadakan mesyuarat jawatankuasa kerja di Bali, Indonesia. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Encik Ananta Wiyogo daripada SMF Indonesia dan dihadiri oleh delegasi daripada negara-negara anggota terdiri daripada Indonesia, Jepun, Kazakhstan, Korea, Malaysia, Mongolia, Filipina dan Thailand. Cagamas diwakili oleh Encik Leong See Meng, Naib Presiden Kanan, Strategi & Komunikasi Korporat.

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kerana kami fokus pada peranan kami dalam menggalakkan pemilikan rumah dan pertumbuhan pasaran modal negara, kami terus menggunakan prinsip-prinsip tanggungjawab sosial terhadap operasi kami seperti memastikan ketelusan dan integriti dalam tadbir urus, meningkatkan peluang yang sama, menghapuskan diskriminasi, mengurangkan dan menguruskan kesan alam sekitar kami dan meningkatkan polisi sifat dermawan jangka panjang serta menggalakkan penglibatan sosial kakitangan kami.

Di Cagamas, kami percaya dalam memberi semula kepada komuniti kami dan kami komited untuk menyediakan sokongan melalui inisiatif mampan yang menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan. Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami, Cagamas terus memberi bantuan kepada yang kurang bernasib baik melalui inisiatif CSR dan Zakat yang berterusan.

Sepanjang tahun ini, Syarikat terus menyokong pelbagai langkah hijau untuk mewujudkan pejabat yang lebih mesra alam serta meningkatkan kesedaran pekerja terhadap kaedah pengurangan sisa dan pemuliharaan tenaga.

Melalui inisiatif CSR kami, kami berharap untuk melihat rakyat Malaysia berhak mencapai kejayaan profesional dan peribadi, termasuk aspirasi pemilikan rumah, selaras dengan mandat kami iaitu 'Galakan Pemilikan Rumah Negara'.





## Majlis Berbuka Puasa untuk Komuniti Intervensi Dadah Malaysia

Jawatankuasa Zakat Cagamas bersama dengan Komuniti Intervensi Dadah Malaysia menganjurkan majlis berbuka puasa dan pengagihan duit raya kepada 81 orang penerima terdiri daripada anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, pesakit-pesakit HIV serta orang gelandangan dari Pusat Jagaan Wanita dan Kanak-Kanak Casa Harapan dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Femina & Harapan.

## Sumbangan kepada Persatuan Penghuni Rumah Kediaman Polis Diraja Malaysia

Cagamas membuat sumbangan kepada Persatuan Penghuni Rumah Kediaman Polis Diraja Malaysia (PPRKPDRM) untuk membantu lima orang balu serta keluarga mereka bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Ditubuhkan pada tahun 1997, PPRKPDRM dibentuk oleh Polis Diraja Malaysia untuk memberi sokongan kepada anggota polis yang kurang upaya serta balu-balu dan keluarga pegawai yang telah meninggal dunia.







## Kolaborasi Tanggungjawab Sosial Korporat bersama Amanah Ikhtiar Malaysia

Cagamas membuat sumbangan ke arah pembelian peralatan perniagaan berdasarkan keperluan untuk ibu-ibu tunggal (Wilayah Sarawak Selatan). Majlis penyerahan telah diketuai oleh Naib Presiden Kanan, Modal Insan & Pentadbiran, Puan Mazlina Saidi dan Encik Khairul Amri Amihamzah, Pengarah Operasi, Zon Sarawak, Amanah Ikhtiar Malaysia.




## Teach for Malaysia (TFM): Penajaan Felow

Sebagai sokongan untuk mempromosikan pendidikan sebagai profesion pilihan, Cagamas mengambil bahagian sebagai penaja di bawah Teach for Malaysia Program Fellowship, yang selaras dengan usaha tanggungjawab sosial syarikat yang mampan.

## Sumbangan kepada Persatuan Membantu Pesakit Parah Miskin Malaysia

Cagamas membuat sumbangan kepada Persatuan Membantu Pesakit Parah Miskin Malaysia (PMPPMM) untuk pembelian peralatan perubatan. PMPPMM telah ditubuhkan dengan misi untuk menyediakan bantuan perubatan kepada rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik, pesakit parah yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.






| Organisasi/Penerbitan | Anugerah – Urus Janji/Kategori |
|---|---|
| 2018 BPAM Bond Market Awards | (a) Pernerbit Bon Konvensional Teratas<br>(b) Jumlah Dagangan Teratas – Keseluruhan<br>(c) Jumlah Dagangan Teratas – Konvensional |
| The Asset Triple A Islamic Finance Awards 2018 | (a) Penerbit Islam Tahun 2018 – Quasi-Berdaulat<br>(b) Sukuk Quasi-Berdaulat Terbaik: Pembukaan Semula Dwi Dari Sukuk Cagamas Tiga-Tahun 475 juta Ringgit dan 525 juta Ringgit |
| Global Islamic Finance Awards 2018 | Anugerah Sokongan Kewangan Islam 2018 (Pasaran Modal) |

# KEMUNCAK KEWANGAN KUMPULAN

| | Kumpulan | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
| **HASIL (RM juta)** | | | | | | | | | | | |
| Hasil Kendalian Kasar | 1,628.2 | 1,555.6 | 1,922.0 | 1,877.4 | 1,793.8 | 1,954.7 | 1,996.9 | 1,983.2 | 2,144.7 | 2,174.4 | 2,351.9 |
| Untung Sebelum Cukai dan Zakat | 564.3 | 559.2 | 610.5 | 591.5 | 551.9 | 703.2 | 546.5 | 558.3 | 574.2 | 548.2 | 544.0 |
| Untung Selepas Cukai dan Zakat | 419.7 | 414.7 | 455.7 | 442.1 | 413.2 | 527.6 | 391.2 | 436.5 | 439.4 | 414.3 | 416.5 |
| Dividen Selepas Cukai | 16.7 | 22.5 | 22.5 | 22.5 | 45.0 | 22.5 | 30.0 | 30.0 | 30.0 | 30.0 | 30.0 |
| **PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (RM juta)** | | | | | | | | | | | |
| Jumlah Terhutang Daripada Rakan Niaga | 9,687.7 | 4,657.5 | 4,325.1 | 4,307.0 | 3,696.1 | 3,825.7 | 6,540.2 | 10,971.0 | 14,296.2 | 19,870.4 | 20,404.9 |
| Aset Pembiayaan Islam | 5,643.0 | 4,578.5 | 6,854.3 | 6,879.6 | 8,076.9 | 6,107.9 | 6,541.2 | 5,581.4 | 5,307.7 | 5,544.4 | 10,030.0 |
| Aset Gadai Janji Konvensional | 9,697.5 | 12,187.3 | 11,384.6 | 10,510.8 | 9,659.4 | 11,064.3 | 10,189.8 | 9,354.3 | 8,494.0 | 7,678.1 | 6,939.3 |
| Aset Gadai Janji Islam | 6,178.4 | 7,973.3 | 7,696.2 | 7,434.9 | 7,124.3 | 10,648.2 | 10,176.2 | 9,618.6 | 9,058.7 | 8,465.4 | 7,857.9 |
| Jumlah Aset | 34,624.0 | 32,894.2 | 32,130.7 | 32,137.9 | 31,863.7 | 36,420.0 | 37,407.7 | 40,346.8 | 42,972.4 | 46,812.2 | 50,701.5 |
| Bon dan nota pembawa tidak bercagar | 13,319.4 | 11,450.9 | 10,039.5 | 9,868.0 | 9,217.5 | 11,521.7 | 13,291.6 | 17,994.7 | 20,946.6 | 25,764.9 | 26,082.4 |
| Sukuk | 8,487.2 | 9,154.8 | 10,651.3 | 10,585.5 | 11,707.6 | 13,403.0 | 13,261.7 | 11,944.0 | 11,214.9 | 11,597.9 | 14,808.5 |
| Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman | 5,220.0 | 4,902.7 | 4,135.4 | 3,842.8 | 3,195.3 | 3,195.3 | 2,464.5 | 2,143.5 | 2,143.5 | 1,270.3 | 1,270.3 |
| Sekuriti bersandarkan gadai janji kediaman Islam | 3,910.0 | 3,929.6 | 3,382.8 | 3,382.8 | 2,865.3 | 2,865.3 | 2,594.2 | 2,075.5 | 2,075.8 | 1,261.4 | 1,261.4 |
| Modal Berbayar | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 |
| Rizab | 2,472.0 | 2,897.5 | 3,329.3 | 3,741.0 | 4,111.7 | 4,614.8 | 4,983.3 | 5,414.6 | 5,799.6 | 5,914.7 | 6,222.7 |
| Dana Pemegang Syer | 2,622.0 | 3,047.5 | 3,479.3 | 3,891.0 | 4,261.7 | 4,764.8 | 5,133.3 | 5,564.6 | 5,949.6 | 6,064.7 | 6,372.7 |
| **SESYER** | | | | | | | | | | | |
| Perolehan (sen)* | 279.8 | 276.5 | 303.8 | 294.7 | 275.4 | 351.7 | 260.82 | 291.0 | 292.9 | 276.2 | 277.7 |
| Aset Ketara Bersih (RM)* | 17.4 | 20.2 | 23.1 | 25.9 | 28.4 | 31.7 | 34.2 | 37.1 | 39.6 | 40.3 | 42.3 |
| Dividen (sen) | 11.1 | 15.0 | 15.0 | 15.0 | 30.0 | 15.0 | 20.0 | 20.0 | 20.0 | 20.0 | 20.0 |
| **NISBAH KEWANGAN** | | | | | | | | | | | |
| Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) | 23.0 | 19.7 | 18.7 | 16.1 | 13.5 | 15.6 | 11.0 | 10.4 | 10.0 | 9.1 | 8.7 |
| Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) | 17.1 | 14.6 | 14.0 | 12.0 | 10.1 | 11.7 | 7.9 | 8.2 | 7.6 | 6.9 | 6.7 |
| Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) | 1.6 | 1.7 | 1.9 | 1.8 | 1.7 | 2.1 | 1.5 | 1.4 | 1.4 | 1.2 | 1.1 |
| Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) | 1.2 | 1.2 | 1.4 | 1.4 | 1.3 | 1.5 | 1.1 | 1.1 | 1.1 | 0.9 | 0.9 |
| Lindungan Dividen (kali) | 25.1 | 18.4 | 20.3 | 19.6 | 9.2 | 23.4 | 13.0 | 14.6 | 14.6 | 13.8 | 13.9 |
| Nisbah Modal Berwajaran Risiko (%) | 21.6 | 21.6 | 26.8 | 35.7 | 39.4 | 39.1 | 39.9 | 37.1 | 38.0 | 35.1 | 45.0 |

* Berdasarkan 150 juta syer biasa RM1.00 setiap satu

**Hasil Kendalian Kasar**
(RM million)




**Untung Sebelum Cukai dan Zakat**
(RM million)




**Jumlah Aset**
(RM million)




**Dana Pemegang Syer**
(RM million)




**Perolehan**
(Sen)




**Aset Ketara Bersih**
(RM)




**Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer**
(%)




**Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset**
(%)



## TINJAUAN PERNIAGAAN 2018

### CAGAMAS HOLDINGS BERHAD

Cagamas Holdings Berhad (Kumpulan) yang ditubuhkan pada tahun 2007 merupakan syarikat induk bagi Cagamas Berhad, Cagamas MBS Berhad, Cagamas SME Berhad, BNM Sukuk Berhad, Cagamas SRP Berhad dan Cagamas MGP Berhad. Anak syarikat operasi utama milik penuhnya, Cagamas Berhad (Cagamas/Syarikat) adalah Perbadanan Cagaran Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1986. Peranan Cagamas adalah untuk menggalakkan pemilikan rumah secara lebih meluas serta pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Cagamas MBS Berhad merupakan syarikat tujuan khas yang ditubuhkan bagi memudahkan urus niaga pensekuritian aset manakala Cagamas SRP Berhad menyediakan jaminan gadai janji kepada pemberi pinjaman utama.

Bagi memenuhi tujuan penubuhannya, Cagamas pada masa ini membeli pinjaman dan pembiayaan di bawah dua skim - Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian tanpa Rekursa (PWOR). Di bawah skim PWR, Cagamas menyediakan kecairan dan mengambil risiko rakan niaga, iaitu risiko kredit institusi penjual, di mana rakan niaga berjanji untuk mengganti semula pinjaman dan pembiayaan yang tidak layak. Di bawah skim PWOR, Cagamas menanggung kesemua risiko kredit pinjaman dan pembiayaan yang diperolehi.

Cagamas memanfaatkan pasaran modal untuk membiayai pembeliannya melalui penerbitan bon dan sukuk korporat dalam bentuk bon berkadar tetap dan terapung, nota jangka pendek dan sukuk. Bagi menguruskan risiko kecairan, Cagamas menerbitkan bon dan sukuk korporat yang seberapa mungkin perpadanan dengan aliran tunai berkaitan dan profil kematangan pinjaman dan pembiayaan dibeli. Semua bon dan sukuk korporat yang diterbitkan oleh Cagamas adalah tidak bercagar, dan bertaraf pari passu di antara mereka.




[1] IMF World Economic Outlook Januari 2019
[2] Buletin BNM Suku Tahunan S42018

## TINJAUAN OPERASI TAHUN 2018

### Persekitaran Ekonomi Global dan Domestik

Ekonomi dunia kekal berkembang pada tahun 2018 dengan anggaran kadar pertumbuhan sebanyak 3.7% (2017: 3.6%), disokong terutamanya oleh pertumbuhan stabil di Amerika Syarikat (AS) serta di pasaran baru muncul dan ekonomi membangun. Pertumbuhan di rantau Asia menunjukkan tanda-tanda peningkatan sederhana yang serentak. Permintaan tempatan yang sederhana di ekonomi-ekonomi Asia disebabkan oleh sokongan yang semakin lemah daripada pelaburan dan permintaan luar yang lebih rendah. Pertumbuhan penggunaan swasta pula kekal mampan.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.9%) yang didorong oleh permintaan domestik yang terus berkembang dan pertumbuhan positif dalam eksport bersih. Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama permintaan domestik.

### Persekitaran Kadar Faedah dan Kecairan

Pada tahun 2018, kecairan sistem perbankan kekal mencukupi dengan institusi kewangan terus beroperasi dengan penampan modal dan kecairan yang kukuh. Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat kepada 3.25% pada bulan Januari dan tidak berubah hingga akhir tahun, manakala Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kekal stabil pada 3.50%. Ringgit meningkat sedikit pada Q4 2018 berbanding dolar AS, didorong terutamanya oleh unjuran pasaran terhadap kadar normalisasi dasar monetari yang lebih perlahan di AS.

### Pasaran Hartanah

Indeks Harga Rumah Malaysia (MHPI) meningkat sebanyak 1.1% pada Q3 2018 (Q3 2017: 6.1%), menunjukkan peningkatan yang sederhana dalam harga rumah di kebanyakan negeri di Malaysia. Pertumbuhan subsektor kediaman kekal lemah dengan jumlah yang tinggi di kalangan kediaman yang tidak terjual. Menurut data dari Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah kediaman yang tidak terjual di Malaysia telah mencecah paras baru tertinggi sebanyak 30,115 unit yang bernilai RM19.5 bilion pada Q3 2018. Peruntukan perumahan yang mampu dimiliki terus menjadi dasar keutamaan di Malaysia dengan penekanan terhadap golongan berpendapatan Bawah 40% (B40) yang merupakan teras utama dalam agenda perumahan kerajaan di bawah Dasar Perumahan Negara 2018-2025.

### Pasaran Bon

Pada tahun 2018, pertumbuhan ekonomi yang kukuh, inflasi gaji dan pendirian Rizab Persekutuan telah menyumbang tekanan berterusan ke atas pulangan hasil AS. Empat kenaikan kadar AS pada tahun 2018 telah mendorong kadar dana persekutuan daripada 1.5%

kepada 2.5%. Kadar hasil penanda aras nota Perbendaharaan AS 10-tahun berada di antara paras terendah 2.40% pada awal 2018 hingga memuncak pada 3.24% pada awal Oktober. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun, peningkatan kebimbangan risiko dan ketidakstabilan disebabkan ketidaktentuan makro yang berterusan berkenaan ketegangan perdagangan, Brexit dan senario risiko politik yang meningkat di Itali menyebabkan hasil bon menurun. Akibatnya, nota Perbendaharaan AS 10 tahun berakhir pada 2.67%, hanya 27 mata asas lebih tinggi dari awal tahun.

Dalam pasaran tempatan, hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) lebih tinggi terutamanya selepas kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas pada 25 Januari 2018 dan PIlihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang bersejarah pada Mei 2018, mengakibatkan kerajaan gabungan baru. MGS 10 tahun didagangkan paling tinggi sebanyak 4.26% pada 25 Mei 2018, pasca PRU. Secara purata, hasil MGS meningkat sepanjang tempohnya sebanyak 20 mata asas.

Di dalam pasaran bon korporat tempatan, kadar hasil Cagamas, Jaminan Kerajaan (Government Guarantee, GG) dan penarafan AAA secara amnya bergerak dalam aliran menaik dalam jangka masa menjelang PRU manakala kadar hasil selepas PRU menurun secara perlahan sebelum menjadi stabil pada Q4 2018. Ini disebabkan oleh unjuran pengurangan dalam penawaran bon dan sukuk korporat akibat daripada jumlah terbitan bon dan sukuk korporat yang lebih kecil sepanjang tahun 2018 dan kemungkinan tahun 2019 berbanding tahun 2017, di dalam keadaan inisiatif-inisiatif rasionalisasi projek kerajaan. Kadar hasil purata bagi kedua-dua kertas Cagamas dan GG pada akhir Disember 2018 kurang berubah berbanding dengan akhir Disember 2017. Sebaliknya, hasil purata kertas penarafan AAA berakhir lebih rendah pada akhir Disember 2018 berbanding akhir Disember 2017. Dari segi tebaran kredit, purata tebaran kredit GG, Cagamas dan kertas penarafan AAA terhadap Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) masing-masing dimampatkan sebanyak 29 mata asas, 29 mata asas dan 35 mata asas.

Carta 1
**PERBEZAAN HASIL BON**
pada 31 Disember 2018




Pada akhir Disember 2018, jumlah pegangan asing MGS adalah lebih rendah sebanyak RM18.3 bilion kepada RM146.1 bilion (Disember 2017: RM164.4 bilion) yang menyebabkan pegangan asing MGS menurun kepada 38.4% (Disember 2017: 45.1%) daripada jumlah tertunggak MGS. Pengeluaran dana asing daripada pasaran MGS telah dipacu oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang lebih perlahan pada Q2 dan Q3 2018, pemulihan dalam USD, harga minyak mentah menyusut dan hasil UST yang semakin meningkat. Bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issue, MGII), jumlah pegangan asing menurun sebanyak RM2.6 bilion kepada RM15.9 bilion pada akhir Disember 2018 (Disember 2017: RM18.5 bilion) yang mengakibatkan jumlah pegangan asing daripada jumlah tertunggak MGII pada 5.2% (Disember 2017: 6.9%). Secara keseluruhannya, jumlah pegangan asing dalam MGS dan MGII menurun pada Disember 2018, dengan jumlah pegangan lebih rendah sebanyak RM20.9 bilion atau 8.8% kepada RM162.0 bilion (Disember 2017: RM182.9 bilion).

## PEMBELIAN PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN

Cagamas mencatatkan pembelian pinjaman dan pembiayaan aset bernilai RM12.1 bilion di bawah skim PWR (2017: RM14.0 bilion). Tiada pembelian pinjaman dan pembiayaan yang direkodkan di bawah skim PWOR (2017: 100.0 juta). Pinjaman dan pembiayaan Cagamas yang belum lunas bersih meningkat sebanyak 10.9% kepada RM41.7 bilion (2017: RM37.6 bilion). Pada akhir tahun 2018, gadai janji kediaman menguasai portfolio Cagamas pada 98.7% (2017: 98.8%), diikuti oleh pinjaman dan pembiayaan sewa beli pada 1.2% (2017: 0.8%) serta pinjaman dan pembiayaan peribadi sebanyak 0.1% (2017: 0.4%). Portfolio aset Islam Cagamas berbanding aset konvensional meningkat kepada nisbah 38:62 (2017: 32:68), manakala portfolio pinjaman dan pembiayaan PWR dan PWOR masing-masing berada pada 71%[3] dan 29%[3] (2017: 65% dan 35% masing-masing). Pinjaman dan pembiayaan terjejas kasar di bawah skim PWOR adalah 0.85% (2017: 0.72%), manakala pinjaman dan pembiayaan terjejas bersih adalah 0.43% (2017: 0.23%).

Carta 2
**PEMBELIAN ASET TAHUNAN**
1987-2018




## TERBITAN BON DAN SUKUK CAGAMAS

Sejak 1987 sehingga akhir tahun 2018, Cagamas dan anak-anak syarikatnya secara kumulatif telah menerbitkan sebanyak RM317.6 bilion bon dan sukuk korporat, termasuk RM54.8 bilion sukuk bersamaan dengan RM9.98 bilion[4] terbitan mata wang asing (Foreign Currency, FCY).

Carta 3
**TERBITAN TAHUNAN**
1987-2018




[3] Pinjaman dan pembiayaan kasar sebelum peruntukan untuk kerugian pinjaman dan diskaun belum tambah
[4] Terbitan mata wang asing sebanyak RM9.98 billion yang dinilai pada tarikh-tarikh terbitan

Sebagai salah satu daripada penerbit bon dan sukuk korporat terbesar di Malaysia, Cagamas terus mempelbagaikan sumber pembiayaan dan lingkungan pelaburnya supaya termasuk pelbagai rangkaian pelabur institusi asing. Pada tahun 2018, Syarikat telah menerbitkan sejumlah RM15.8 bilion sekuriti hutang (termasuk persamaan ringgit FCY), paling tinggi sejak tahun 2008, menerusi dua puluh dua (22) sekuriti hutang Cagamas baharu dan lima (5) terbitan mata wang asing Cagamas baharu. 93% atau RM14.6 bilion daripada jumlah terbitan tersebut telah diperolehi daripada pasaran domestik dan 7% atau RM1.2[5] bilion diterbitkan daripada program-program pelbagai mata wang Syarikat yang telah ditubuhkan pada tahun 2014.

Dari segi tempoh, 48% berjumlah RM7.6 bilion daripada jumlah terbitan pada tahun 2018 adalah untuk tempoh 1 tahun ke bawah (2017: 26% atau RM3.9 bilion) manakala 42% atau RM6.7 bilion adalah untuk tempoh antara 1 hingga 3 tahun (2017: 31% atau RM4.7 bilion). Baki 10% yang berjumlah RM1.5 bilion daripada jumlah terbitan pada tahun 2018 adalah untuk tempoh matang melebihi 3 tahun (2017: 44% atau RM6.7 bilion).

Carta 4
**TERBITAN BON DAN SUKUK TAHUNAN**
2006 - 2018




Pada tahun 2018, Syarikat terus mengumpul dana pada harga yang kompetitif dalam terbitan FCY melalui urus niaga penempatan persendirian. Sepanjang tahun ini, 5 terbitan FCY dengan jumlah nilai RM1.2 bilion[6] telah berjaya dijual. Penglibatan Cagamas dengan para pelabur yang berterusan telah menghasilkan terbitan sulung Nota Kadar Terapung (Floating Rate Note, FRN) Dolar AS pada bulan Julai 2018. Terbitan ini juga mewakili mata wang asing FRN kedua yang diterbitkan di bawah program pelbagai mata wang Cagamas; iaitu FRN pertama dalam Dolar Australia pada Oktober 2017. 2 urus niaga Dolar Hong Kong (HKD) diberi harga pada Julai 2018 yang mewakili terbitan kedua dan ketiga dalam HKD berikutan penerbitan sulungnya pada tahun 2014. 2 lagi terbitan FCY adalah dalam Dolar Singapura.

Jadual 1
**TERBITAN MATA WANG ASING**, 2018

| Tarikh terbitan | Jenis | Tempoh (Tahun) | Kadar Hasil (%) | Jumlah (Juta) |
|---|---|---|---|---|
| 12 Julai | Konvensional | 3 | 3.17 | HKD310 |
| 26 Julai | Konvensional | 2 | 3.10 | HKD351 |
| 26 Julai | Konvensional | 3 | Libor + 0.70% | USD28 |
| 3 Ogos | Konvensional | 2 | 2.52 | SGD65 |
| 19 Oktober | Konvensional | 2 | 2.79 | SGD160 |

[5 & 6] Terbitan mata wang asing sebanyak RM1.2 bilion yang dinilai pada tarikh terbitan

Carta 5
**TERBITAN MENGIKUT MATA WANG**
2017 & 2018




Carta 6
**KOMPOSISI PELABUR MENGIKUT NEGARA**
2017 & 2018




* Lain-lain termasuk Timur Tengah, China, Korea, Brunei, Thailand dan Pesisir USA

* Lain-lain termasuk Timur Tengah, China, Korea, Thailand dan Pesisir USA

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk menggalakkan kecairan pasaran sekunder bagi bon dan sukuk Syarikat, Cagamas teah melaksanakan pembukaan semula sejak Oktober 2015 di bawah program Nota Jangka Sederhana (MTN) RM40 bilion. Pada tahun 2018, Cagamas melaksanakan sejumlah dua tranche pembukaan semula pada bulan Jun dan Ogos untuk gabungan saiz sebanyak RM1.5 bilion.

Jadual 2
**PEMBUKAAN SEMULA BON DAN SUKUK**, 2018

| Bulan | Saiz Terbitan Permulaan (RM juta) | Jumlah Pembukaan Semula (RM juta) | Saiz baru (RM juta) | Jenis |
|---|---|---|---|---|
| Jun | 120 | 700 | 820 | Bon |
| Ogos | 200 | 800 | 1,000 | Bon |

Inisiatif-inisiatif proaktif lain untuk terus mempromosikan kecairan pasaran sekunder kepada pelabur tempatan dan antarabangsa adalah seperti menyelenggarakan halaman harga Cagamas di kedua-dua platform Bloomberg dan Reuters. Platform-platform ini telah aktif digunakan sejak 2016, menawarkan bantuan pengesanan nilai kepada para pelabur serta kemasukan bon dan sukuk Cagamas dalam indeks global yang diikuti dengan meluas. Cagamas mencatatkan jumlah dagangan sebanyak RM6.6 bilion bagi bon dan sukuk korporat tempatan pada tahun 2018 dengan bahagian pasaran sebanyak 5.7% dan menduduki tempat ketiga bagi bon dan sukuk korporat korporat tempatan yang paling didagangkan pada tahun 2018. Bagi bon korporat konvensional, Syarikat telah mencapai jumlah dagangan sebanyak RM4.2 bilion dengan bahagian pasaran sebanyak 19.9% dan menduduki tempat pertama bagi bon korporat konvensional tempatan yang paling didagangkan pada tahun 2018.

Pada 31 Disember 2018, sekuriti hutang Cagamas tertunggak adalah berjumlah RM40.5 bilion di mana RM35.8 bilion atau 88% adalah dalam mata wang tempatan dan bersamaan RM4.7 bilion atau 12% denominasi dalam mata wang asing. Bon konvensional terdiri daripada 64% daripada jumlah tertunggak manakala baki 36% adalah sukuk. Cagamas kekal sebagai salah satu penerbit bon dan sukuk korporat yang terbesar di Malaysia, mencakupi 5% daripada jumlah bon dan sukuk korporat yang belum ditebus dan 22% daripada bon dan sukuk yang belum ditebus bertaraf AAA yang cemerlang.

## PENARAFAN

Keupayaan Cagamas untuk menarik pelaburan dalam bon dan sukuk telah disokong oleh penarafan kreditnya yang kukuh, rekod prestasi permodalan yang mantap, kualiti aset yang kukuh serta keuntungan yang stabil. Bagi tahun 2018, Moody's Investors Service (Moody's) telah menetapkan penarafan A3 terbitan jangka panjang untuk kedua-dua program pasaran modal mata wang tempatan dan asing Cagamas, selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia. RAM Rating Services Berhad (RAM Ratings) telah memberi Cagamas Global, ASEAN dan skala kebangsaan penarafan kredit korporat masing-masing $_{g}$A2/Stable/$_{g}$P1, $_{sea}$AAA/Stable/$_{sea}$P1 dan AAA/Stable/P1. Di samping itu, Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) juga telah memberikan penarafan kepada terbitan bon dan sukuk Cagamas masing-masing AAA/MARC-1 dan AAA$_{IS}$/MARC-1$_{IS}$.

Jadual 3

**PENARAFAN CAGAMAS**

| | Agensi Penarafan | | |
|---|---|---|---|
| | RAM | MARC | Moody's |
| Cagamas Berhad | $_{g}$A2/Stable/$_{g}$P1,<br>$_{sea}$AAA/Stable/$_{sea}$P1<br>AAA/Stable/P1 | AAA/MARC-1<br>AAA$_{IS}$/MARC-1$_{IS}$ | A3 |

## JAMINAN GADAI JANJI

Cagamas SRP Berhad (CSRP) menawarkan jaminan gadai janji sebagai perlindungan "kerugian pertama" ke atas portfolio gadai janji perumahan Institusi-institusi Kewangan (Financial Institutions, FI). Jaminan berkenaan mengurangkan risiko kredit pinjaman dan pembiayaan perumahan FI tersebut dan mengurangkan caj modal. Dari sudut pandangan pembeli rumah pula, jaminan tersebut berfungsi sebagai kemudahan untuk membolehkan mereka mendapatkan pembiayaan sehingga 110% daripada FI untuk memiliki rumah pertama melalui Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB).

Selaras dengan keutamaan Kerajaan untuk menggalakkan perumahan mampu milik kepada negara, CSRP telah diperkembangkan dengan merangkumi kumpulan yang lebih besar bagi pembeli rumah kali pertama.

Jadual 4

Kriteria pembiayaan rumah SRP yang dipertingkatkan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kelayakan | • Warganegara Malaysia<br>• Pekerja bergaji atau bekerja sendiri<br>• Pemohon individu atau bersama<br>• Tiada rekod pembiayaan tidak berbayar dalam tempoh 12 bulan lepas |
| Jenis hartanah | Hartanah kediaman di pasaran utama dan sekunder |
| Harga Harta ("PP") | Sehingga RM500,000 |
| Pendapatan Kasar Isi Rumah Bulanan | • RM5,000 dan ke bawah (Individu)<br>• RM10,000 (Bersama tetapi mana-mana satu gaji pemohon adalah RM5,000 dan ke bawah) |
| Pembiayaan Maksimum untuk Nilai ("FTV") | Sehingga 110% |
| Jaminan oleh CSRP | Sehingga 20% pertama (untuk FTV > 90% hingga 110%) |
| Nisbah Perkhidmatan Hutang ("DSR") | Berdasarkan dasar pengunderaitan FI |
| Tempoh Pembiayaan | 35 tahun atau sehingga umur 70 tahun, mana yang lebih pendek |
| Umur Peminjam | Had umur adalah tertakluk kepada tempoh pembiayaan |
| Pendidikan Kewangan* | • Modul pendidikan kewangan mandatori yang disediakan oleh AKPK untuk membantu peminjam berpotensi untuk memahami komitmen kewangan mereka sebelum membeli rumah<br>• Modul boleh diakses dalam portal AKPK RumahKu di learn.akpk.org.my |
| Moratorium (untuk jualan hartanah)* | 5 tahun |

* Pendidikan kewangan dan tempoh moratorium hanya kepada pemohon berpendapatan bulanan isi rumah kasar tidak lebih daripada RM5,000 dan untuk membeli rumah berharga RM300,000 ke bawah.

Pada 31 Disember 2018, jaminan terkumpul CSRP kepada skim SRP dan SPB adalah RM361.1 juta berbanding dengan RM201.4 juta pada tahun 2017. Nilai dan bilangan pinjaman dan pembiayaan baru yang diluluskan bersama perlindungan jaminan bagi SRP dan SPB telah meningkat disebabkan oleh kesedaran orang ramai yang lebih tinggi terhadap skim yang ditawarkan melalui FI yang terlibat. Semenjak pelancaran SRP dan SPB masing-masing pada tahun 2011 dan 2015, CSRP telah menyediakan jaminan pinjaman dan pembiayaan perumahan berjumlah RM3.7 bilion yang membolehkan 17,743 individu/isi rumah untuk memiliki rumah pertama mereka di mana 29% merupakan dari golongan berpendapatan B40.

Jadual 5
***Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB)***

| | 2011 – 2017 | 2011 – 2018 | Pertumbuhan |
|---|---|---|---|
| (RM'juta) | | | |
| **Pendedahan Jaminan** | **201.4** | **361.1** | **+79%** |
| SRP | 142.3 | 251.4 | +77% |
| SPB | 59.1 | 109.7 | +86% |
| (RM'mil) | | | |
| **Nilai Pinjaman dan Pembiayaan** | **2,058.6** | **3,695.6** | **+80%** |
| SRP | 1,447.5 | 2,547.7 | +76% |
| SPB | 611.1 | 1,147.9 | +88% |
| **Bilangan Pinjaman dan Pembiayaan yang Diluluskan** | | | |
| SRP | **9,862** | **17,743** | **+80%** |
| SPB | 7,174 | 12,478 | +74% |
| | 2,688 | 5,265 | +96% |

Nota: Angka terkini mungkin berbeza dengan laporan sebelumnya disebabkan oleh semakan yang diminta oleh rakan niaga

Carta 7
**SRP & SPB: LINGKUNGAN GAJI MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN**




>RM1,000 hingga RM2,000 >RM2,000 hingga RM3,000 >RM3,000 hingga RM4,000
>RM4,000 hingga RM5,000 >RM5,000 hingga RM6,000 >RM6,000 hingga RM10,000

*Data setakat 31 Disember 2018*

Carta 8
**SRP & SPB: LINGKUNGAN UMUR MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN**




Umur <25 Umur 26-30 Umur 31-35 Umur 36-40 Umur >40

*Data setakat 31 Disember 2018*

Carta 9
**SRP & SPB: LINGKUNGAN HARGA RUMAH MENGIKUT JUMLAH PINJAMAN**




*Data setakat 31 Disember 2018*

## PENSEKURITIAN

Pada akhir tahun 2018, jumlah bon dan sukuk CMBS yang belum ditebus adalah RM2.52 bilion daripada jumlah terbitan RM10.2 bilion. Baki bon dan sukuk CMBS tersebut dijangka matang secara berperingkat dan ditebus sepenuhnya menjelang Ogos 2027. Tiada sebarang urus niaga pensekuritian baharu yang telah dilaksanakan sepanjang tahun ini.

## PERKEMBANGAN PERNIAGAAN SYARIKAT DI MASA DEPAN

Perniagaan Cagamas kekal diperkukuhkan dengan menyediakan kecairan dan sokongan kepada FI tempatan melalui kos pembiayaan yang kompetitif didorong oleh kumpulan pelabur yang pelbagai yang melanggan program-program pasaran modal kami. Syarikat berusaha untuk meneroka peluang-peluang peningkatan untuk program dan skim sedia ada dengan menilai kebolehlaksanaan inisiatif-inisiatif perniagaan baharu dengan tujuan untuk mencapai misi utama dan objektif sosialnya. Selain itu, Syarikat akan meneroka peluang untuk membantu Kerajaan dalam bidang perumahan mampu milik dan terus mengekalkan strategi pembiayaan yang berhemat untuk sentiasa menyediakan kecairan kepada sektor perbankan apabila diperlukan.

Cagamas menyasarkan untuk membangunkan produk-produk berinovatif yang bertumpukan strategi pelaburan yang mampan yang mencapai kedua-dua pulangan kewangan dan manfaat sosial yang menghasilkan perubahan yang positif. Skim-skim berinovatif seperti Pembiayaan Ekuiti Saham, Sewa-untuk-Miliki (Rent-to-Own, RTO) dan mekanisme pembiayaan alternatif yang terdiri daripada Amanah Perumahan Mampu Milik (Affordable Housing Trust, AHT) dan platform kewangan alternatif (crowdfunding) akan menjadikan keperluan peminjam sasaran untuk dipadankan dengan baik apabila membeli rumah pertama mereka. Di samping itu, ini akan membolehkan para pelabur yang bertanggungjawab atau mesra alam untuk memasukkan produk-produk ini ke dalam portfolio mereka lalu memperluaskan kumpulan pelabur Cagamas yang lebih inklusif.

Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang (Multicurrency EMTN Programme, EMTN) yang ditubuhkan pada 2014 menyediakan saluran pembiayaan alternatif bagi Syarikat dan mempelbagaikan pergantungannya terhadap kecairan selain daripada pasaran pendapatan tetap domestik sebagai sumber tunggal. Syarikat akan terus berkembang dan meluaskan pangkalan pelaburnya merentasi geografi menerusi penglibatan peniaga asing dalam kedua-dua terbitan MYR dan FCY. Cagamas ingin meneroka kemungkinan untuk menerbitkan Bon/Sukuk Mampan tertakluk kepada pembelian aset yang sesuai sebagai sebahagian daripada inisiatif baharu Syarikat bagi menjamin kemampanan masa depan serta kepentingan Cagamas untuk memenuhi mandatnya dalam jangka sederhana dan jangka panjang.

Cagamas sedang meneroka cadangan nilai baharu seperti mempelbagaikan sumber-sumber pembiayaannya di luar negara dan mensasarkan peluang rentas sempadan untuk menyokong pengembangan serantau bank-bank tempatan di mana Cagamas membeli aset-aset bukan ringgit daripada institusi-institusi kewangan tempatan Malaysia yang beroperasi di luar Malaysia dan membiayai mereka menggunakan terbitan pensekuritian hutang bukan ringgit. Namun sedemikian, inisiatif ini adalah tertakluk kepada garis panduan undang-undang dan pengawalseliaan di setiap negara masing-masing serta keadaan pasaran tempatan mereka. Syarikat merancang untuk mempelbagaikan lagi saluran pembiayaan mata wang asing semasanya dengan meneroka pasaran dan instrumen baru seperti bon Panda di China, Pro-Bond di Jepun dan bon Formosa di Taiwan.

# PENYATA KEMAMPANAN SULUNG CAGAMAS

Penyata Kemampanan sulung ini adalah untuk memaklumkan kepada pihak berkepentingan berkenaan inisiatif permulaan kami bagi memenuhi hasrat terhadap menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab dan mampan.

Sejak penubuhannya pada 1986, Cagamas Berhad (Cagamas/Syarikat) telah menjadi peneraju Perbadanan Gadai Janji Sekunder yang diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai pembekal kemudahan kecairan yang terbesar dan paling berjaya di dunia[1] menerusi usaha yang ditumpukan dalam membangunkan pasaran gadai janji sekunder domestik bagi menggalakkan pemilikan rumah selaras dengan tujuan kami untuk memainkan peranan dalam membangunkan pemilikan rumah negara.

Cagamas dengan bangganya telah menyumbang kepada pemilikan rumah negara menerusi mandatnya untuk menyediakan kecairan pada kos yang kompetitif kepada pemberi pinjaman gadai janji yang utama. Ini seterusnya menggalakkan pembiayaan rumah pada kos yang berpatutan lalu meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia. Sejak pembelian gadai janji kediaman konvensional pertama yang bernilai RM110 juta pada bulan Oktober 1987, Cagamas secara kumulatif telah membiayai semula gadai janji pasaran sekunder yang bersamaan dengan RM153 bilion atau kira-kira 2 juta rumah menjelang akhir Disember 2018.

Ekologi perniagaan global kian sedang berkembang pesat untuk menghayati amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environment, Social and Governance, ESG) bagi menggalakkan kemampanan. Cagamas menyedari bahawa perniagaan perlu diselaraskan dengan amalan sedemikian untuk terus membina nilai yang mampan bagi pihak berkepentingan di masa hadapan.



Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals, SDG) yang ditubuhkan oleh United Nations pada bulan September 2015 akan menjadi asas kepada rangka kerja kemampanan kami di samping inisiatif Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 iaitu, Teras Strategik 2: "Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat" dan Teras Strategik 4 "Menuju ke arah Pertumbuhan Hijau bagi meningkatkan Kemampanan dan Daya Tahan".

### MATLAMAT PEMBANGUNAN KEMAMPANAN DARI BANGSA-BANGSA BERSATU




[1] Sumber: The World Bank, 2009, *Housing Finance Policy in Emerging Markets*

## PENUBUHAN JAWATANKUASA KEMAMPANAN

Bagi memulakan perjalanan kami, Jawatankuasa Kemampanan (Sustainability Committee, SCo) telah ditubuhkan pada bulan Jun 2018 untuk menyelia pembangunan strategi kemampanan di Cagamas. SCo terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa yang diwakili pelbagai jabatan di dalam organisasi dan bertanggungjawab untuk membangunkan rangka kerja kemampanan berdasarkan prinsip-prinsip berikut:




Pada tahun 2018, dua bengkel dalaman telah diadakan sepanjang tahun ini untuk memupuk pengetahuan yang diperlukan bagi melengkapkan SCo dengan pengetahuan yang diperlukan, khususnya, di bidang prinsip-prinsip ESG. SCo telah memulakan proses membuat tinjauan makro ke atas skop awal rangka kerja kemampanan dengan mengenal pasti bidang tumpuan yang berpotensi dan inisiatif sedia ada yang berpadanan dengan ideologi tersebut.

Rangka kerja kemampanan kami akan digariskan berdasarkan langkah-langkah perundingan merentasi seluruh organisasi bagi memastikan bahawa rakan-rakan sekerja menerapkan inisiatif-inisiatif kemampanan ke dalam kerja seharian mereka. Penglibatan pihak berkepentingan akan berfungsi sebagai panduan untuk SCo menilai sumber yang diperlukan terhadap hasil yang diinginkan.

## DI MANA KITA SEKARANG

Cagamas masih berada pada peringkat awal dalam membangunkan dasar kemampanan yang rasmi untuk melambangkan matlamat dan iltizam kami. Oleh yang demikian, penyata kemampanan pertama kami menyoroti usaha Syarikat sepanjang tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018 sebagai asas kepada aktiviti-aktiviti perniagaan yang mampan. Kami telah mengenal pasti beberapa bidang utama di mana kami telah memulakan usaha perintis yang mungkin mempunyai kesan langsung atau tidak langsung ke atas pihak berkepentingan kami.

Kami sentiasa menjalankan perniagaan kami dengan tujuan untuk menyelaraskan amalan kemampanan jangka panjang sambil memenuhi peranan pembangunan kami untuk menggalakkan pemilikan rumah negara. Kami sedang menyepadukan pertimbangan sedemikian ke dalam aktiviti-aktiviti perniagaan kami dengan membangunkan produk dan perkhidmatan selari dengan langkah-langkah dan proses dalaman yang sesuai bagi memenuhi jangkaan pihak berkepentingan kami yang pelbagai.

Rangka kerja kemampanan kami akan digariskan berdasarkan teras-teras yang berikut:

1. Mengenal pasti peluang inisiatif-inisiatif kemampanan
2. Melingkungi penilaian risiko yang lengkap untuk memasukkan risiko kemampanan
3. Mewujudkan persekitaran kerja yang memupuk semangat dan daya tahan bakat demi kepuasan kakitangan
4. Mempertingkatkan ekuiti jenama kami melalui amalan kemampanan
5. Meningkatkan penglibatan pihak berkepentingan dan keyakinan pelanggan
6. Mengambil peluang pasaran baru dengan pendekatan kemampanan

Cagamas menyedari kepentingan dasar dan amalan yang baik sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk memupuk kemampanan di dalam lingkungan organisasi kami. Kami secara aktif terlibat dalam menilai dan membangunkan dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan kemampanan dari setiap sudut perniagaan kami yang berkenaan.

**Dasar-dasar dan amalan kemampanan semasa kami termasuk:**




**Alam Sekitar**

- Bertekad untuk melindungi alam sekitar melalui usaha seperti amalan pengurusan sisa dalam organisasi dan mengurangkan penggunaan kertas untuk percetakan

**Tadbir urus**

- Piagam Lembaga
- Dasar Pemberitahuan Maklumat
- Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram
- Dasar Privasi Data Peribadi Kakitangan
- Kod Etika Vendor

**Sosial**

- Kod Tatalaku dan Etika
- Dasar Hadiah dan Hiburan
- Dasar Komunikasi
- Dasar Perolehan
- Dasar Sumbangan dan Zakat
- Dasar Kesihatan dan Keselamatan
- Garis Panduan Gangguan Seksual Tempat Kerja
- Garis Panduan Keluhan dan Aduan
- Garis Panduan Salah laku & Tatatertib Kakitangan
- Garis Panduan Kesulitan

Pada tahun 2018, kami telah memulakan beberapa inisiatif kemampanan baru bagi melengkapkan usaha berterusan yang dijelaskan seperti berikut:



**Perumahan Mampu Milik**

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempromosikan perumahan yang mampu dimiliki kepada negara, Cagamas melalui syarikat Cagamas SRP (CSRP) terlibat secara langsung dalam Skim Rumah Pertamaku (SRP) dan Skim Perumahan Belia (SPB) yang menyasarkan segmen B40 dan M40 untuk membolehkan mereka memiliki rumah pertama mereka. Pada 31 Disember 2018 CSRP telah menyediakan jaminan pinjaman perumahan berjumlah RM3.1 bilion untuk rumah berharga dibawah RM300,000 membolehkan 16,044 individu/isi rumah memiliki rumah pertama mereka.



**Kesan Ekonomi**

Memulakan pembelian pinjaman dan pembiayaan yang berkaitan dengan alam sekitar dan projek-projek kesan sosial di samping menerajui terbitan bon dan sukuk yang mampan bagi membiayai inisiatif-inisiatif tersebut. Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan penubuhan Rangka Kerja Bon/Sukuk Mampan Cagamas yang termasuk di dalam Program Nota Jangka Kerja Sederhana (Medium Term Notes, MTN) Konvensional dan Islam Cagamas yang bernilai RM60 bilion.

**Mempengaruhi masyarakat**
Penubuhan Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility, CSR) yang ditadbir oleh Dasar Sumbangan dan Zakat. Melalui penubuhan ini, kami telah menyediakan biasiswa kepada para pelajar, membantu ibu-ibu tunggal yang berdaya usaha dan memberi sumbangan zakat kepada golongan yang kurang bernasib baik

**Menyelamatkan alam sekitar**
Menetapkan kawalan dalaman yang ditubuhkan untuk mengurangkan pembaziran. Cagamas juga mengamalkan penggunaan teknologi di kalangan Ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan menerusi penggunaan tablet elektronik yang digunakan untuk bahan edaran mesyuarat dan sumber rujukan

**Tadbir Urus**
Membangun dan mengguna pakai Piagam-piagam Lembaga untuk anak-anak syarikat beroperasi iaitu Cagamas dan Cagamas SRP. Piagam-piagam ini telah disediakan selaras dengan syarikat induk dan berdasarkan peruntukan Garis Panduan Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia

**Memperkukuhkan Amalan Profesional**
Melabur dalam pengurusan bakat dan menyediakan peluang yang mencukupi untuk kakitangannya memperoleh dan meningkatkan kecekapan kerjaya dan kemahiran pekerjaan mereka ke tahap yang diperlukan. Aspirasi sumber manusia Syarikat adalah untuk menggalakkan pembelajaran berterusan dan meningkatkan kemahiran di dalam organisasi dengan memupuk nilai-nilai Usahasama, Pemilikan dan Profesionalisme (Teamwork, Ownership and Professionlism, TOP) melalui aktiviti-aktiviti Penglibatan Kakitangan

**Melangkah ke hadapan**, kami berhasrat untuk melengkapkan penilaian dalaman dan memuktamadkan rangka kerja kemampanan kami untuk mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah untuk diterima pakai. Setelah diluluskan, kami akan memulakan proses pelaksanaannya berdasarkan matlamat pencapaian yang ditetapkan untuk melancarkan inisiatif dan penilaian untuk penggunaannya.

Menyedari bahawa keberkesanan rangka kerja kemampanan kami bergantung kepada pasukan Cagamas, SCo merancang untuk menjalankan latihan kefahaman bagi menerapkan budaya kemampanan di kalangan rakan-rakan sekerja.

Cagamas akan menggunakan agensi penarafan bebas untuk penilaian kemampanan sebaik sahaja rangka kerja telah dilaksanakan sepenuhnya. Meskipun Cagamas tidak dikehendaki menerbitkan penyata kemampanan sebagai entiti awam yang tidak tersenarai, kami berhasrat untuk menerbitkan laporan kemampanan dan penarafan pada masa akan datang agar selari dengan amalan pasaran terbaik bagi mengupayakan pihak berkepentingan kami untuk sedia termaklum berkenaan perjalanan dan pencapaian kemampanan kami.

Kemampanan merupakan proses pembelajaran jangka panjang di mana kami akan sentiasa mempertingkatkan komitmen yang teguh untuk menjadi lebih baik melalui pengalaman yang sedia ada. Ini juga membolehkan kami berusaha secara berterusan untuk mencapai matlamat kemampanan dengan lebih berkesan.


MENYU

UMBANG

kepada pertumbuhan pasaran modal, kewangan Islam dan sektor keutamaan lain melalui penerbitan instrumen inovatif





## PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

**Bagi pihak Lembaga Pengarah (Lembaga), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Cagamas Holdings Berhad (Kumpulan) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.**

### PENGENALAN

Ekonomi global terus berkembang pada tahun 2018 pada kadar yang menyederhana secara tidak sekata merentasi negara-negara yang telah menghasilkan pertumbuhan kurang serentak secara global di samping menyebabkan kadar pengembangan yang tidak seimbang di kalangan pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun. Ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh gabungan harga minyak mentah yang menurun, perubahan sentimen berikutan ketegangan perdagangan yang meningkat di antara Amerika Syarikat (AS) dan China, serta ketidaktentuan politik dan dasar domestik.

Peningkatan dasar perlindungan terhadap perdagangan merupakan penyumbang utama kepada risiko yang kurang baik di samping meningkatkan ketidaktentuan dasar dan mempengaruhi keputusan pelaburan merentasi negara-negara. Keadaan ini diburukkan lagi oleh *Federal Reserve* yang mengetatkan dasar kewangannya dengan empat kenaikan kadar faedah di AS sepanjang tahun ini yang telah menyebabkan peruntukan semula aset global beralih daripada pasaran kewangan antarabangsa berikutan dengan ketidaktentuan dan pelarasan pasaran kewangan di kalangan ekonomi-ekonomi membangun, khususnya di Argentina dan Turki.

Pada peringkat domestik, meskipun semua perkembangan luaran ini telah menjejaskan ekonomi Malaysia, pertumbuhan kekal berdaya tahan berlatarkan dasar-dasar ekonomi yang proaktif dan praktikal, disokong oleh rangka kerja makroekonomi dan dasar berhemat yang kukuh. Di sebalik cabaran global dan peralihan kuasa bersejarah kepada kerajaan baru berikutan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU) pada 9 Mei 2018, ekonomi Malaysia telah meningkat 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.9%) disokong oleh perkembangan permintaan domestik yang berterusan dan pertumbuhan eksport bersih yang cerah.

Pada tahun 2018, sistem perbankan Malaysia kekal teguh, dengan institusi kewangan yang beroperasi dengan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh. Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) meningkat kepada 3.25% pada bulan Januari dan tidak berubah sepanjang tahun, manakala Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) tetap stabil pada 3.50%. Ringgit meningkat sedikit berbanding dolar AS pada suku keempat 2018, meskipun sentimen pelabur yang berwaspada dalam pasaran kewangan global dan aliran keluar portfolio bukan pemastautin daripada pasaran bon dan ekuiti domestik.

Perumahan mampu milik kekal sebagai agenda utama bagi kerajaan baru memandangkan ketidaksepadanan yang kekal wujud di antara penawaran dan permintaan perumahan. Kerajaan menggariskan lima fokus, 16 strategi dan 57 pelan tindakan di bawah Dasar Perumahan Negara 2018-2025 untuk menangani masalah perumahan negara khususnya bagi golongan berpendapatan 40% terendah (B40) untuk memiliki rumah. Dasar ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa dalam tempoh 7 tahun sehingga 2025 dengan berkisar lima teras utama yang merangkumi perumahan yang berkualiti untuk semua; menambah baik aksesibiliti dan tahap kemampuan memiliki rumah; kejiranan yang kohesif; menambah baik koordinasi antara pembangunan perumahan dan pengangkutan; dan memperkukuh keupayaan institusi untuk Dasar Perumahan Negara.

> “Di sebalik cabaran global dan peralihan kuasa bersejarah kepada kerajaan baru berikutan Pemilihan Raya Umum ke-14 (PRU) pada 9 Mei 2018, ekonomi Malaysia telah meningkat 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.9%) susulan perkembangan permintaan domestik yang berterusan dan pertumbuhan eksport bersih yang cerah.”

Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MS) adalah lebih tinggi terutamanya selepas kenaikan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas pada 25 Januari 2018 dan pasca PRU pada 9 Mei 2018. MGS 10-tahun telah diniagakan pada kemuncak tahunannya sebanyak 4.26% pada 25 Mei 2018, pasca PRU ke-14. Secara purata, hasil MGS telah meningkat sebanyak 20 mata asas merentasi tempoh-tempohnya. Pada akhir Disember 2018, jumlah pegangan asing MGS telah menurun sebanyak RM18.3 bilion kepada RM146.1 bilion (Disember 2017: RM164.4 bilion) yang menyebabkan pegangan asing MGS sebagai peratusan daripada jumlah MGS belum dilunas menurun kepada 38.4% (Disember 2017: 45.1%). Aliran keluar asing daripada MGS telah dipacu oleh tekanan berterusan dalam kenaikan kadar di Amerika Syarikat, pengukuhan dolar AS (USD), penurunan harga minyak mentah dan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia yang perlahan pada suku kedua dan ketiga 2018. Bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (GII), jumlah pegangan asing menurun sebanyak RM2.6 bilion kepada RM15.9 bilion pada akhir Disember 2018 (Disember 2017: RM18.5 bilion) yang mengakibatkan jumlah pegangan asing daripada jumlah GII belum dilunas berjumlah 5.2 % ( Disember 2017: 6.9 %). Secara keseluruhannya, pegangan asing MGS dan MGII menurun pada Disember 2018, dengan jumlah pegangan secara kolektif menurun sebanyak RM20.9 bilion atau 8.8 % kepada RM 162.0 bilion (Disember 2017: RM182.9 bilion).

Jumlah terbitan kasar bon dan sukuk korporat telah menurun pada tahun 2018 dan dijangkakan untuk kekal menyerdehana pada tahun 2019, susulan daripada kadar perlahan terbitan jaminan kerajaan sebahagian daripada langkah-langkah rasionalisasi projek kerajaan. Pada tahun 2018, jumlah terbitan bon dan sukuk korporat telah menurun sebanyak 15.4% kepada RM103.9 bilion daripada RM122.9 bilion pada tahun 2017. Bagi tahun 2019, jumlah terbitan dijangka menyederhana kepada di antara RM80 bilion hingga RM90 bilion. Unjuran ini adalah berdasarkan andaian pertumbuhan pelaburan awam yang lebih perlahan, pertumbuhan KDNK sebenar yang menyederhana dan pelaburan global yang semakin perlahan. Walaubagaimanapun, terdapat peningkatan dalam jumlah bon dan sukuk tempatan yang diterbitkan oleh Syarikat pada tahun 2018. Jumlah terbitan meningkat sebanyak 20% kepada RM14.6 bilion pada 2018, daripada RM12.2 bilion pada 2017, yang mewakili bahagian pasaran sebanyak 9.1% dalam jumlah terbitan bon dan sukuk korporat pada tahun 2018.

> Sebagai penerbit bon korporat terbesar di pasaran modal Malaysia, Cagamas telah memenangi Penerbit Bon Konvensional Teratas dan Jumlah Perdagangan Teratas - Kategori Keseluruhan pada 2018 oleh Agensi Penetapan Harga Bon Malaysia (BPAM).

## KEMUNCAK PENTING

Pada 31 Disember 2018, Cagamas telah membeli aset berjumlah RM12.1 bilion di bawah skim Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan mengeluarkan terbitan sebanyak RM15.8 bilion (termasuk terbitan mata wang asing bersamaan ringgit), yang tertinggi sejak tahun 2008, yang terdiri daripada dua puluh dua (22) sekuriti hutang Cagamas baru dan lima (5) terbitan mata wang asing Cagamas baru. Daripada jumlah terbitan tersebut, 93% atau RM14.6 bilion telah diperolehi dari pasaran tempatan manakala baki 7% atau bersamaan RM1.2 bilion telah dikumpulkan dari luar pesisir di bawah program pelbagai mata wang berbagai Syarikat yang ditubuhkan pada tahun 2014.

Pada bulan Julai 2018, penglibatan Cagamas berterusan dengan para pelabur telah menghasilkan terbitan sulung nota kadar terapung Dollar AS (FRNs). Penerbitan ini juga mewakili FRN mata wang asing kedua Syarikat yang dikeluarkan di bawah program pelbagai mata wang Cagamas - FRN yang pertama dalam Dolar Australia pada Oktober 2017. Kedua-dua terbitan dolar Hong Kong (HKD), harga ditetapkan dan yang dikeluarkan dalam bulan yang sama, mewakili terbitan kedua dan ketiga dalam HKD berikutan penerbitan sulung pada tahun 2014. Dua terbitan mata wang asing yang lain adalah dalam Dolar Singapura (SGD) yang menandakan penerbitan berterusan Syarikat dalam SGD selama empat tahun berturut-turut sejak tahun 2015.

Sebagai salah satu penerbit bon korporat terbesar di pasaran modal Malaysia, Cagamas telah memenangi Penerbit Bon Konvensional Teratas dan Jumlah Perdagangan Teratas - Kategori Keseluruhan pada 2018 oleh Agensi Penetapan Harga Bon Malaysia (BPAM). Sumbangan Syarikat kepada kepimpinan global Malaysia yang berterusan dalam Pasaran Modal Islam juga diiktiraf dengan anugerah Penerbit Tahunan- Kedaulatan Kuasi dan Sukuk Kedaulatan Kuasi Terbaik untuk dua pembukaan semula sukuk RM475 juta dan sukuk RM525 juta bertempoh 3 tahun di Anugerah Kewangan Islam The Asset Triple A 2018. Cagamas juga menerima Anugerah Advokasi Kewangan Islam (Pasaran Modal) 2018 di Anugerah Global Islamic Finance (GIFA) 2018.

Sebagai pengiktirafan terhadap kepakaran dan sumbangan Syarikat dalam pembiayaan perumahan, Cagamas telah dilantik sebagai pengerusi sulung Persatuan Pasaran Gadai Janji Menengah Antarabangsa (International Secondary Mortgage Market Association, ISMMA) yang ditubuhkan di bawah naungan Bank Dunia pada tahun 2018. Ia menyatukan institusi-institusi pasaran gadai janji sekunder secara global dengan menyediakan wadah bagi negara-negara anggotanya untuk berkongsi pendapat dan pengalaman untuk cara-cara meningkatkan capaian kepada pembiayaan perumahan di kalangan rakyat mereka dan pada akhirnya mencapai matlamat perumahan yang selesa, selamat dan mampu dimiliki oleh semua, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari UN-Habitat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

## PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan berakhir 2018, saya bersukacita untuk melaporkan kedudukan kewangan Kumpulan yang merangkumi Cagamas, Cagamas MBS Berhad (CMBS) dan Cagamas SRP Berhad (CSRP). Keuntungan Kumpulan bagi tahun ini telah meningkat kepada RM416.5 juta berbanding RM414.3 juta pada tahun 2017. Cagamas dan CMBS kekal sebagai penyumbang utama kepada keputusan kewangan Kumpulan.

Nisbah Modal Teras (CCR) dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) Kumpulan masing-masing berjumlah 43.4% dan 45.0% pada akhir tahun 2018. Tidak termasuk CMBS, pada tempoh yang sama, CCR dan RWCR Kumpulan adalah masing-masing 31.3% dan 32.9%. Jumlah dana pemegang saham untuk Kumpulan meningkat kepada RM6.4 bilion daripada RM6.1 bilion, manakala aset ketara bersih sesaham adalah lebih tinggi pada RM42.33, berbanding dengan RM40.32 pada tahun sebelumnya.

Cagamas mencatatkan keuntungan bagi tahun kewangan sebanyak RM243.7 juta pada tahun 2018, berbanding dengan RM241.7 juta pada tahun 2017. Pendapatan sesaham adalah 162.49 sen pada 2018, berbanding dengan 161.14 sen pada 2017. Jumlah dana pemegang saham meningkat sebanyak 6.3% kepada RM3.6 bilion dan selaras dengan ini, aset ketara bersih sesaham adalah RM24.10. CCR dan RWCR Cagamas masing-masing berjumlah 28.3% dan 29.9%.

Sepanjang tahun kewangan ini, CMBS telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM215.7 juta, berbanding dengan RM214.4 juta pada tahun 2017. Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman/ Sekuriti Islam Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (RMBS/IRMBS) yang selebihnya dijangka matang secara berperingkat dan tertunggak yang sedia ada akan ditebus sepenuhnya pada bulan Ogos 2027.

Keupayaan Cagamas untuk menarik pelaburan dalam bon dan sukuknya telah disokong oleh penarafan kreditnya yang kukuh, rekod pencapaian prestasi, permodalan yang teguh, kualiti aset yang mantap dan keuntungan yang stabil. Ini ditampilkan oleh keupayaannya untuk mengekalkan penarafan kredit antarabangsa A3 oleh Moody's Investors Service (Moody's) dan penarafan domestik AAA oleh kedua-dua Malaysian Rating Corporation Berhad dan RAM Rating Services Berhad.

> "CSRP menyediakan jaminan pinjaman perumahan berjumlah RM3.7 bilion, yang mengupayakan kira-kira 17.743 individu/isi rumah"

## DIVIDEN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, Kumpulan mengisytiharkan dividen sebanyak 20 sen sesaham kepada para pemegang saham biasa.

## INISIATIF-INISIATIF PADA 2018

Selaras dengan keutamaan Kerajaan untuk menggalakkan perumahan mampu dimiliki kepada rakyat Malaysia, anak syarikat Kumpulan, CSRP sebagai pengendali SRP telah mempertingkatkan kemudahan jaminan gadai janjinya bagi membolehkan peminjam layak untuk mendapatkan pembiayaan rumah sehingga 110% daripada institusi-institusi kewangan yang mengambil bahagian. Setakat Disember 2018, CSRP menyediakan jaminan pinjaman perumahan berjumlah RM3.7 bilion, yang mengupayakan kira-kira 17.743 individu/isi rumah untuk memiliki rumah pertama mereka, di antara mana 29% adalah daripada segmen B40 tersebut.

Sebagai sebahagian daripada aspirasi Malaysia ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menyokong alam sekitar, Cagamas telah memulakan pinjaman pembelian dan pembiayaan yang berkaitan dengan projek-projek yang berkisarkan alam sekitar dan kesan sosial di samping memandu penerbitan bon dan sukuk yang mampan bagi membiayai inisiatif-inisiatif tersebut. Ini dijangka dapat mempelbagaikan asas pelabur Cagamas dengan meluaskan ke bidang Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Syarikat juga sedang meneroka peluang untuk menerbitkan hutang mata wang asing lain dan di pasaran baru, seperti bon Panda, Pro-Bonds dan Bon Formosa.

Cagamas mengiktiraf tanggungjawabnya terhadap alam sekitar dan rakyat menerusi perumahan mampu milik dan berpaut kepada pembangunan mampan. Oleh itu, Cagamas telah menubuhkan 'Rangka Kerja Bon dan Sukuk yang Mampan' sebagai langkah ke arah mengesahkan dan memperkukuhkan misi Cagamas, dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat pelaburan mengenai kepentingan pembangunan mampan. Rangka kerja Cagamas memudahkan pembiayaan projek dan penyelesaian yang penting demi mencapai masa depan yang mampan selain menyediakan pilihan pelaburan alternatif kepada pihah pelabur Cagamas bagi memenuhi objektif pelaburan mereka yang mampan dan bertanggungjawab.

Demi ikhtiarnya untuk berkembang ke luar negara, Cagamas sedang berusaha ke arah mempertingkatkan pembangunan bersama pasaran gadai janji menengah di rantau ini, seperti yang dilihat oleh kerjasama Syarikat melalui majlis menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Indonesia PT Sarana Multigriya Finansial, Perbadanan Gadai Janji Menengah Thailand dan Perbadanan Gadai Janji Mongolia.

Cagamas juga telah melancarkan Sistem Pentadbiran Pinjaman (LAS) secara berperingkat, yang kini sedang berjalan sepenuhnya. Inisiatif ini membolehkan Cagamas meningkatkan kecekapan operasi di mana Syarikat dapat memproses data dan melaksanakan perancangan dan analisis senario dengan lebih cekap dan berkesan.

Dalam usaha dan iltizam Kumpulan untuk menegakkan taraf etika yang tinggi, Piagam-piagam Lembaga Pengarah telah dibangunkan dan diguna pakai untuk anak-anak syarikat yang beroperasi iaitu Cagamas dan CSRP. Piagam-piagam ini telah disediakan selaras dengan syarikat induk dan berdasarkan peruntukan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat.

Berpandukan amalan terbaik industri, ia adalah penting bagi kakitangan Cagamas untuk menerapkan iltizam syarikat untuk menjadi peserta pasaran yang bertanggungjawab di samping memberi penekanan terhadap tadbir urus yang baik. Oleh yang sedemikian, Syarikat telah melabur dalam pengurusan bakat dan menyediakan peluang yang mencukupi kepada kakitangannya untuk memperoleh dan meningkatkan kecekapan kerja dan peluang kerjaya yang berkaitan ke tahap yang diperlukan. Aspirasi sumber manusia Syarikat adalah untuk menggalakkan pembelajaran berterusan dan mempertingkatkan kecekapan bakat di dalam organisasi dengan memupuk nilai-nilai Kerjasama, Kebertanggungjawaban dan Profesionalisme (TOP) menerusi aktiviti-aktiviti Penglibatan Kakitangan. Ini akan menyokong visi Syarikat dan membentuk budaya tenaga kerja yang dipacu oleh prestasi.

> “Derma tambahan sebanyak RM226,894 telah diagihkan pada 31 Disember 2018 di bawah Zakat Korporat yang boleh disumbangkan kepada tiga golongang iaitu fakir, miskin dan fisabilillah.”

Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Syarikat, Cagamas telah menderma sebanyak RM122,377 pada tahun 2018 kepada organisasi-organisasi yang terpilih, termasuk hospital, rumah-rumah kebajikan dan rumah-rumah anak yatim. CSR Syarikat pada tahun 2018 telah memberi penekanan kepada menggalakkan kemampanan melalui program-program pendidikan dan berasaskan pekerjaan yang menuju ke arah penambahbaikan masyarakat secara keseluruhan. Derma tambahan sebanyak RM226,894 telah diagihkan pada 31 Disember 2018 di bawah Zakat Korporat yang boleh disumbangkan kepada tiga golongang iaitu fakir, miskin dan fisabilillah.

Syarikat sentiasa percaya bahawa pendidikan merupakan pelaburan modal insan yang akan mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan negara. Menyusuli kepercayaan ini adalah Program Biasiswa Cagamas yang telah ditubuhkan pada tahun 2016 bagi membantu golongan muda Malaysia yang layak meneruskan pengajian tinggi. Pada tahun 2018, Cagamas dengan bangganya kekal menaja sejumlah 15 mahasiswa dengan peruntukan berjumlah RM360,000. Syarikat amat berbesar hati bahawa salah seorang penerima biasiswanya telahpun lulus pengajiannya pada bulan Ogos 2018.

## TINJAUAN

Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana merentasi ekonomi maju dan ekonomi pasaran baru muncul pada tahun 2019. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Dunia diunjurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa untuk memperlahan kepada 3.5% pada tahun ini berbanding anggaran perkembangan 3.7% pada tahun 2018. Unjuran pertumbuhan dalam ekonomi maju akan terus didorong oleh keadaan pasaran buruh yang kuat, yang menyokong penggunaan swasta di tengah-tengah aktiviti pelaburan yang lebih sederhana. Di Asia, pertumbuhan diunjurkan untuk memperlahan, memandangkan permintaan domestik yang berdaya tahan memberikan sokongan kepada ekonomi di rantau ini meskipun perkembangan ekonomi China yang perlahan. Secara keseluruhannya, risiko kepada pertumbuhan global pada tahun 2019 mencondong ke arah bawah, dengan peningkatan ketegangan perdagangan antara AS dan China yang kekal sebagai sumber utama risiko kepada unjuran.

Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada 2019 di tengah-tengah potensi risiko-risiko kurang baik yang berpunca daripada peristiwa global berikutan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat. Ekonomi Malaysia diunjurkan meningkat 4.9% pada tahun depan daripada jangkaan pertumbuhan sebanyak 4.7% pada tahun 2018. Perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama berikutan sentimen pengguna dan perniagaan yang tinggi. Pengembangan penggunaan swasta akan berjalan berlatarkan keadaan pasaran buruh yang stabil.

Dalam mengorak langkah ke hadapan, meskipun pandangan cerah Cagamas terhadap ekonomi walaupun berdepan dengan ledakan ketidaktentuan dan kerumitan semasa, Syarikat tetap bersedia untuk meneruskan mandatnya untuk membantu rakyat Malaysia meningkatkan capaiannya kepada pembiayaan rumah yang berpatutan dan berdaya saing berasaskan teras yang teguh dan peluang dalam lingkungannya yang disasarkan untuk pertumbuhan. Cagamas kekal komited untuk menyokong Kerajaan dalam menyediakan pemilikan rumah mampu milik menerusi penyertaan berterusan Syarikat dalam skim pembiayaan rumah yang dipacu Kerajaan serta usaha berterusan kami untuk memperkenalkan tawaran berinovasi seiring dengan landskap pasaran yang kian berubah.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham kami atas keyakinan dan sokongan mereka yang berterusan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada badan-badan kawal selia, terutamanya Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Bursa Malaysia di atas segala bimbingan dan sokongan mereka.

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan pengarah-pengarah baru kepada Kumpulan, iaitu Dato' Bakarudin bin Ishak, Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani dan Madam Ho Chai Huey. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour, Datuk Dr. Roslan bin A. Ghaffar, Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid dan Encik Nazrul Hisyam bin Mohd Noh atas sumbangan mereka kepada Lembaga sepanjang tempoh perkhidmatan mereka sebagai Pengarah-pengarah dalam Kumpulan.

Akhir sekali, Lembaga Pengarah ingin meluahkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak Pengurusan dan kakitangan kumpulan syarikat-syarikat Cagamas di atas dedikasi, iltizam dan sumbangan berharga mereka kepada Kumpulan sepanjang tahun ini.

**Nik Mohd Hasyudeen Yusoff**
Pengerusi


MEREA


ALISASI
Impian Pemilikan Rumah

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) adalah komited untuk memastikan bahawa Syarikat dan anak-anak Syarikatnya (Kumpulan), mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya urusan bagi Kumpulan dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme untuk melindungi prestasi kewangan Kumpulan ini dan meningkatkan nilai jangka panjang para pemegang syer. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah telah menggunapakai Urus Tadbir Korporat Malaysia 2016 Bank Negara Malaysia (BNMCG) untuk institusi kewangan sebagai prinsip panduan untuk memastikan bahawa piawaian tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Syarikat dan Kumpulan ini.

## RANGKA KERJA URUS TADBIR KORPORAT



## LEMBAGA PENGARAH

### Komposisi Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah dianggotai oleh lapan Pengarah Bukan Eksekutif, terdiri daripada pegawai-pegawai kanan/wakil-wakil dan ketua-ketua eksekutif daripada institusi kewangan, serta ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

Berdasarkan kepada kriteria BNMCG, majoriti daripada para Pengarah Syarikat adalah dianggap bebas kerana mereka bebas secara karakter dan pertimbangan dan bebas daripada perkaitan dengan hal-hal yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas mereka. Para Pengarah tidak menyertai dalam urusan harian perniagaan Syarikat. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mengguna pakai garis panduan BNMCG ke atas had tempoh pelantikan Pengarah Bebas agar tidak melangkaui sembilan (9) tahun kecuali dalam keadaan luar jangka yang boleh ditentukan oleh Lembaga Pengarah setelah dicadangkan oleh Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (GBGC). Dalam keadaan di mana jumlah had tempoh bagi Pengarah Bebas dipanjangkan melebihi 9 tahun, kelulusan pemegang syer akan diperolehi pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM).

Buat masa ini, terdapat seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang telah melampaui jumlah tempoh sembilan (9) tahun dan kelulusan oleh pemegang syer akan diperolehi untuk mengekalkan status beliau sebagai seorang pengarah bebas pada AGM.

GBGC dan Lembaga Pengarah selepas penilaian tahunan, telah merumuskan bahawa Pengarah Bebas Bukan Eksekutif terus menunjukkan tindakan dan perilaku yang mereka adalah bebas dan setiap daripada mereka secara berterusan memenuhi definisi bebas yang ditetapkan di dalam BNMCG.

Kesemua Pengarah dalam Kumpulan, termasuk di peringkat anak syarikat, memiliki pengalaman yang meluas dan mendalam dalam bidang makroekonomi, perbankan dan perkhidmatan kewangan, pasaran modal dan pengurusan institusi kewangan. Secara kolektif, para Pengarah membawa bersama mereka kemahiran dan pengetahuan yang meluas dan pelbagai dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, perundangan, ekonomi, pengurusan risiko dan teknologi maklumat.

### Tugas dan Tanggungjawab Jelas

#### *Cagamas Holdings Berhad*

Lembaga Pengarah telah menerima pakai satu piagam untuk memberi rujukan kepada Pengarah berkaitan dengan peranan, tugas dan pembahagian tanggungjawab antara Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Piagam Lembaga Pengarah adalah tertakluk kepada penilaian berkala untuk memastikan ianya konsisten dengan hasrat strategik Lembaga Pengarah dan standard yang berkaitan dengan tadbir urus korporat.

Halatuju dan kawalan bagi Kumpulan terletak di bawah Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab keseluruhan bagi urus tadbir korporat, halatuju strategik, selera risiko, formulasi dasar, memantau operasi Kumpulan dan tatacara dan prestasi bagi CEO dan Pengurusan Kanan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa satu sistem yang sesuai diletak untuk mengenalpasti risiko-risiko ketara Kumpulan dan bahawa kawalan dalaman yang sesuai dilaksanakan untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Lembaga Pengarah juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat Kumpulan, termasuk pematuhan kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan, perintah dan garis panduan yang berkenaan.

Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko keseluruhan perniagaan bagi Kumpulan. Urusan penyeliaan pengurusan risiko dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad. BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, dasar, proses dalaman yang kritikal dan sistem untuk menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan risiko dalam Kumpulan. BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya, akan memaklumkan dan jika perlu, mendapat maklum balas daripada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan yang diambil berkaitan penilaian risiko dan hal-hal berkaitan risiko. BRC disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) Cagamas Berhad yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian risiko dan penilaian terhadap operasi Cagamas Berhad dan anak-anak Syarikat yang lain. Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada BRC. RMD juga menyerahkan penilaian risiko kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat masing-masing.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Kumpulan ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik dan bajet tahunan Kumpulan ini. Kemaskini berkenaan operasi utama Kumpulan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, hal-hal penting yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat ini juga dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman atau pengesahan.

Pengerusi bagi Syarikat mengetuai Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa ianya berfungsi secara berkesan dalam memenuhi kewajipan dan tanggungjawab. Sebagai syarikat pemegangan pelaburan, Cagamas Holdings Berhad tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif ataupun kakitangan lain.

### *Cagamas Berhad*

Operasi harian bagi Kumpulan dilaksanakan oleh entiti operasi utama, Cagamas Berhad yang telah dilantik sebagai Pentadbir untuk Cagamas Holdings Berhad dan Pentadbir/Pentadbir Urusniaga bagi syarikat berkaitan iaitu Cagamas SME Berhad, Cagamas MBS Berhad, Cagamas SRP Berhad, Cagamas MGP Berhad dan BNM Sukuk Berhad. Ia juga bertindak sebagai Pentadbir untuk dua (2) anak syarikat iaitu Cagamas Global P.L.C. dan Cagamas Global Sukuk Berhad.

Di Cagamas Berhad, tersedia suatu pemisahan yang jelas bagi tugas dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO. Pengerusi menyediakan peranan kepimpinan kepada Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa Lembaga Pengarah berfungsi secara berkesan; beliau mengetuai perbincangan mengenai strategi, dasar, selera risiko dan pengendalian perniagaan bagi Cagamas Berhad. CEO bagi Cagamas Berhad mengetuai pihak pengurusan Cagamas Berhad dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar berkenaan serta pengendalian urusan-urusan harian perniagaan Cagamas Berhad.

Petunjuk Prestasi Utama tahunan dan jangka sederhana bagi CEO dan Pengurusan Kanan Syarikat ini dibincang dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

### *Setiausaha Syarikat*

Para Pengarah mempunyai akses tersedia dan tidak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Lembaga Pengarah sering dikemaskini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan Pegawai Pematuhan yang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai undang-undang baru dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia serta implikasi kepada Kumpulan dan para Pengarah berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Setiausaha Syarikat menghadiri dan memastikan bahawa semua mesyuarat Lembaga Pengarah berlangsung secara teratur, dan rekod prosiding yang tepat dan betul serta resolusi yang diluluskan diambil dan direkodkan dalam pendaftaran berkanun di pejabat berdaftar Syarikat. Setiausaha Syarikat memudahkan komunikasi yang tepat pada masanya terhadap keputusan yang dibuat serta dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (GBAC) dan GBGC kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan.

### *Mesyuarat Lembaga Pengarah*

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik yang memberi kesan kepada perniagaan Kumpulan. Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberikan maklumat kemaskini tentang operasi, kewangan, profil risiko, isu-isu kawal selia dan perkembangan korporat dihantar kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat.

Kesemua para Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada Pengurusan Kanan Cagamas Berhad. Dalam melaksanakan tugas mereka, Ahli Lembaga Pengarah berhak untuk mendapat nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, pada dan ketika diperlukan.

Kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti di bawah:

| Pengarah Sedia ada | Jawatan/Tahap Kebebasan | Kehadiran Mesyuarat |
|---|---|---|
| Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff | Pengerusi, Bebas | 4/4 |
| Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour | Bukan Bebas | 4/4 |
| Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek | Bukan Bebas | 4/4 |
| Datuk George Ratilal | Bebas | 2/4 |
| Datuk Abdul Farid bin Alias | Bukan Bebas | 3/4 |
| Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman | Bebas | 4/4 |
| Dato' Lee Kok Kwan | Bukan Bebas | 4/4 |
| Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim | Bebas | 4/4 |

### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh GBAC dan GBGC, yang beroperasi mengikut terma rujukan spesifik ("TOR") seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

GBGC terdiri daripada tiga Pengarah Bukan Eksekutif, antaranya:
Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour (Pengerusi daripada Julai 2017 sehingga Disember 2018)
Dato' Bakarudin bin Ishak (Pengerusi – dilantik 1 Januari 2019)
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek
Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff

Tanggungjawab utama GBGC ialah untuk menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan dan untuk memastikan bahawa praktis urus tadbir Kumpulan adalah selari dengan amalan terbaik. GBGC juga bertanggungjawab menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan mencadangkan pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Dengan tertubuhnya GBGC, satu prosedur formal telah diutuhkan untuk mengenalpasti, mencalonkan dan menilai Lembaga Pengarah dan mencadang pelantikan ke Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Keputusan bagi siapa yang akan dicalonkan adalah tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi setiap syarikat masing-masing selepas mempertimbangkan cadangan-cadangan dan input-input daripada GBGC.

Jawatankuasa-jawatankuasa lain, seperti Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kekal di Cagamas Berhad.

### Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Para Pengarah dicalonkan oleh para pemegang syer atau ahli-ahli Lembaga Pengarah. Pencalonan ini disemak oleh GBGC yang kemudiannya mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Menurut Perlembagaan Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap AGM Syarikat dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Perlembagaan juga menyatakan bahawa para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun akan memegang jawatan sehingga AGM yang seterusnya dan kemudiannya akan layak untuk dilantik semula.

### Ganjaran Pengarah

Dasar Syarikat dalam pembayaran ganjaran Pengarah adalah perlu untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang berkaliber dan berpengalaman yang boleh memberi pandangan yang jelas dan berkesan untuk aktiviti-aktiviti Kumpulan. GBGC menilai ganjaran kepada Pengarah Bukan Eksekutif setiap tiga tahun untuk memastikan bahawa Pengarah diganjarkan selayaknya di atas sumbangan mereka kepada Kumpulan, mengambil kira tahap kepakaran, komitmen dan tanggungjawab yang dilaksanakan.

Lembaga Pengarah secara berterusan peka bahawa ganjaran yang kompetitif adalah penting untuk menarik, mengekal dan memotivasikan para Pengarah yang memiliki pengalaman yang relevan dan kepakaran yang diperlukan bagi mengemudi Syarikat. Ganjaran Pengarah hendaklah sepadan dengan komitmen masa Pengarah, kepakaran, risiko dan kerumitan perniagaan bagi setiap syarikat berkenaan.

Ganjaran yang dibayar kepada para Pengarah seperti dinyatakan di dalam Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

| Pengarah Bukan Eksekutif | Yuran Pengarah (RM) | Elaun Mesyuarat (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|
| Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff | **60,000** | 25,000 | 85,000 |
| Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour | **55,000** | 23,000 | 78,000 |
| Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek | **50,000** | 21,000 | 71,000 |
| Datuk George Ratilal | **55,000** | 25,000 | 80,000 |
| Datuk Abdul Farid bin Alias | **50,000** | 10,500 | 60,500 |
| Datuk Azizan bin Haji Abd Rahman | **50,000** | 28,000 | 78,000 |
| Dato' Lee Kok Kwan | **50,000** | 24,500 | 74,500 |
| Puan Wan Hanisah binti Wan Ibrahim | **50,000** | 28,000 | 78,000 |

### Latihan Pengarah

Sebilangan para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti Program Latihan Akreditasi Mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama oleh Bursa Malaysia. Kesemua Pengarah Cagamas Berhad dikehendaki menghadiri Program Teras Financial Institutions Directors' Education (FIDE). Program latihan tahunan Pengarah difokuskan kepada perkembangan berterusan set kemahiran para Pengarah dan dikemaskini berkaitan pembangunan terkini dalam sektor perkhidmatan kewangan termasuk perundangan dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

### Jawatankuasa Pengurusan

Di peringkat entiti operasi, jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan telah ditubuhkan untuk menyokong Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dalam menguruskan pelbagai aktiviti dan operasi Kumpulan. Jawatankuasa pengurusan tersebut termasuklah:

- Jawatankuasa Pengurusan
- Jawatankuasa Aset Liabiliti
- Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat
- Jawatankuasa Pengurusan Kesinambungan Perniagaan
- Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan

### Hubungan Dengan Pelabur Dan Komunikasi Dengan Pemegang Syer

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pemegang berkepentingan. Kumpulan ini menghebahkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk baru kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta melalui saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg, Thomson Reuters, Bursa, Labuan International Financial Exchange dan Singapore Exchange Limited. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah di AGM. Pada AGM tersebut, Pengerusi menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad, mengendalikan sebuah laman sesawang, www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadaran dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

## AUDIT

### Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 67 hingga 68 di dalam Laporan Tahunan ini.

### Hubungan Dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan dan tanggungjawab GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 63 hingga 66 di dalam Laporan Tahunan ini. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, juruaudit luar Syarikat ini telah menghadiri dua mesyuarat yang diadakan dengan GBAC. Mesyuarat pertama pada bulan Februari 2018 adalah untuk melaporkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, dan mesyuarat kedua pada bulan Ogos 2018 adalah untuk membentangkan penemuan penilaian terhad mereka bagi Cagamas Berhad, rancangan audit dan skop audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018. Pada salah satu mesyuarat tersebut, satu sesi telah diadakan di antara GBAC dan juruaudit luar tanpa kehadiran Pengurusan. Juruaudit luar juga dijemput untuk menghadiri AGM Syarikat dan bersedia untuk menjawab soalan pemegang syer mengenai pengendalian audit berkanun dan penyediaan dan kandungan laporan audit mereka.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 168 di dalam Laporan Tahunan ini.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

## 1. KEAHLIAN

Bagi tahun 2018, ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (Jawatankuasa) ini terdiri daripada:-

(a) Datuk George Ratilal (Pengerusi)
(b) Datuk Azizan Haji Abd Rahman
(c) Dato' Lee Kok Kwan
(d) Ms. Wan Hanisah Wan Ibrahim

Majoriti ahli Jawatankuasa terdiri daripada Pengarah bebas bukan eksekutif berdasarkan huraian umum Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Kumpulan ini serta bebas daripada pihak Pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Kumpulan ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

## 2. KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 yang turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Cagamas Berhad juga turut hadir pada mesyuarat tertentu atas jemputan Jawatankuasa. Kehadiran ahli Jawatankuasa ini dalam mesyuarat adalah seperti berikut:-

| Nama Ahli Jawatankuasa | Bilangan mesyuarat yang dihadiri |
|---|---|
| Datuk George Ratilal | 4/4 |
| Datuk Azizan Haji Abd Rahman | 4/4 |
| Dato' Lee Kok Kwan | 3/4 |
| Ms. Wan Hanisah Wan Ibrahim | 4/4 |

Juruaudit Luaran Kumpulan ini, Tetuan PricewaterhouseCoopers telah menghadiri dua mesyuarat Jawatankuasa ini sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 dan membentangkan pelan audit dan skop kerja Kumpulan ini untuk tahun kewangan 2018.

## 3. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

### Bidang Kuasa

(a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luaran, dan pihak Pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini.

(b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya diperlukan.

(c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti di dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

### Saiz dan Komposisi

(a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah bebas.

(b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

(c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah bebas dari kalangan mereka sendiri.

(d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:-
   (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau
   (ii) jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:-
      - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
      - beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akaun, 1967; atau

(iii) beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda/sarjana/doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau

(iv) beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat korporat atau mempunyai fungsi yang terutamanya bertanggungjawab di dalam pengurusan hal ehwal kewangan sebuah syarikat korporat.

(e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pandangan Lembaga Pengarah akan mempengaruhi Jawatankuasa di dalam memberikan penilaian yang bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

## Mesyuarat

(a) Mesyuarat Jawatankuasa diadakan sekali pada setiap suku tahun atau mengikut kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa. Jemputan akan diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif untuk menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa juga boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.

## Kuorum

(a) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.

## Setiausaha

(a) Ketua Juruaudit Dalaman merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

## Tugas dan Tanggungjawab

### Pelaporan Kewangan

(a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luaran. Ini termasuk:-
- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
- Perubahan dan penyelarasan dalam pembentangan penyata kewangan;
- Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
- Pematuhan piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
- Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
- Perubahan ketara dalam skop audit; dan
- Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.

(b) Menyemak Penyata Kewangan Interim Diringkaskan setengah tahun bagi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan Syarikat) untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan pendedahan.

### Juruaudit Dalaman

(a) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:-
- Pematuhan piawaian audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
- Kecukupan polisi dan tatacara serta kawalan dalaman yang telah diwujudkan;
- Penyelarasan antara Juruaudit Dalaman dan Luaran;
- Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme di dalam menjalankan tugasan Audit Dalaman;
- Melaporkan segala keputusan audit yang telah dilaksanakan;
- Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
- Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.

(b) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi Audit Dalaman, termasuk:-
- Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
- Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
- Menilai prestasi dan menetapkan pakej imbuhan Ketua Juruaudit Dalaman selaras dengan polisi ganjaran syarikat;

- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalaman atau sebarang sekatan yang dihadapi semasa melaksanakan kerja-kerja pengauditan;
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;
- Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
- Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
- Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini; dan
- Meletakkan Audit Dalaman di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung Jawatankuasa ini.

(c) Menyemak laporan Audit Dalaman sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings untuk makluman atau pengesahan.

(d) Memastikan tindakan yang wajar dan segera diambil oleh Pengurusan ke atas kelemahan-kelemahan ketara yang dikenalpasti.

**Juruaudit Luaran**

(a) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan Juruaudit Luaran.

(b) Membincangkan dan menilai pelan audit luaran, penemuan-penemuan terhadap sistem kawalan dalaman (termasuk tindakan Pengurusan dan laporan audit yang berkaitan).

(c) Menyemak surat ikatan Juruaudit Luaran dan maklumbalas dari pihak Pengurusan.

(d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan Juruaudit Luaran, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran Juruaudit Luaran.

(e) Membincangkan dengan Juruaudit Luaran perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.

(f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.

(g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Luaran dari masa ke semasa.

(h) Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh Juruaudit Luaran dan menilai sama ada terdapat sebarang potensi konflik yang timbul daripada perkhidmatan bukan audit tersebut.

(i) Memastikan wujudnya pemeriksaan dan kesimbangan supaya peruntukan ke atas perkhidmatan bukan audit tidak mengganggu pertimbangan bebas Juruaudit.

(j) Bermesyuarat dengan Juruaudit Luaran sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak Pengurusan untuk membincangkan perkara penting yang memerlukan perhatian serta mendapatkan maklum balas.

**Transaksi Pihak Berkaitan**

(a) Menyemak sebarang urusniaga dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.

(b) Menyemak sebarang urusniaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan kumpulan ini.

**Tanggungjawab Lain**

(a) Menyemak cadangan pihak Pengurusan untuk pembayaran dividen sebelum dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan.

(b) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

## 4. RINGKASAN AKTIVITI

Sepanjang tahun kewangan, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan di dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

### Audit Dalaman

(a) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman bagi tahun Kewangan Berakhir 2019 dan memastikan kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber fungsi audit dalaman yang perlu untuk menjalankan tugasnya;

(b) Menyemak laporan, penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalaman serta maklumbalas pihak Pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;

(c) Menyemak laporan-laporan audit dalaman untuk memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak Pengurusan bagi menangani kaedah dan perlaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh audit dalaman; dan

(d) Memperuntukan penilaian bebas ke atas prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.

### Audit Luaran

(a) Menyemak skop serta perancangan Juruaudit Luaran bagi tahun Kewangan Berakhir 2018;

(b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perlantikan semula Juruaudit Luaran dan yuran audit; dan

(c) Menyemak keputusan audit oleh Juruaudit Luaran dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian.

### Laporan Kewangan

(a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan.

## 5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap dan bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalaman ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkaitkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan bahagian yang akan diaudit.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2018 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas ke atas penilaian risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan keperluan pengawalseliaan di seluruh Kumpulan. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Pengurusan.

Amalan Profesional Piawai Antarabangsa (Piawai) oleh Institut Audit Dalaman (IIA) digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berwibawa bagi kaedah audit dalaman.

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) beserta Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini mengesahkan tanggungjawab mereka di dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, strategi, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko ke tahap yang munasabah dan bukan untuk menghapuskan risiko tidak mematuhi polisi Kumpulan dan mencapai matlamat perniagaan. Oleh itu, sistem berkenaan dapat memberi jaminan yang sewajarnya, tetapi bukannya jaminan mutlak terhadap salah nyata ketara berkenaan maklumat kewangan.

Peranan pihak pengurusan ialah melaksanakan polisi yang digariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dalaman dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurang dan mengawal risiko berkenaan.

## PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalaman utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan.

BRC dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko, Cagamas Berhad (RMD) yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini di samping khidmat kepada lain-lain syarikat di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik di dalam industri.

## PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan merangkumi proses utama seperti berikut:

1. **Kuasa dan Tanggungjawab**

   a) Struktur organisasi, profil pekerjaan dan bidang keberhasilan utama yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.

   b) Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan kakitangan.

   c) Pihak Pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pemandu IT, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan dan Jawatankuasa Pengurusan Kesinambungan Perniagaan sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing.

2. **Perancangan, Pemantauan dan Laporan**

   a) Pelan Perniagaan Tahunan dan Belanjawan dirangka, dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum pelaksanaan. Di samping itu, prestasi sebenar akan dikaji setiap suku tahunan berdasarkan prestasi yang disasarkan bagi langkah pembetulan untuk mengurangkan risiko. Hasil kajian prestasi itu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap separuh tahunan. Di mana perlu, Rancangan Perniagaan dan Belanjawan disemak, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam keadaan perniagaan.

   b) Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan pembiayaan yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusniaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahunan. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu.

   c) Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

**3. Polisi dan Tatacara**

a) Mendokumenkan dengan jelas dan secara formal polisi dalaman dan manual tatacara untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semakan secara berkala dilaksanakan untuk memastikan dokumentasi polisi dan tatacara sentiasa dikemaskini dan relevan.

**4. Penilaian Bebas oleh Jabatan Audit Dalaman**

a) Jabatan Audit Dalaman memberi jaminan yang munasabah kepada Lembaga Pengarah melalui penilaian bebas terhadap kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman. Ia melaksanakan pendekatan audit berasaskan risiko selaras dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (GBAC). Keputusan audit dibentangkan kepada GBAC yang bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

b) Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan di dalam Kumpulan bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman. Sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telah dikenal pasti, namun ianya tidak mengakibatkan kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian atau memberi kesan terhadap risiko reputasi yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan.

**5. Pengukuran Prestasi dan Kompetensi Kakitangan**

a) Indeks Prestasi Utama (KPIs), yang berasaskan kepada pendekatan Kad Skor Prestasi, digunakan untuk memantau dan mengukur prestasi kakitangan.

b) Mempunyai garis panduan yang sesuai untuk tujuan pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan dan pensijilan peningkatan kemahiran oleh Pakar Industri untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang releven bagi memastikan kakitangan yang cekap dan terlatih dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

**6. Perancangan Kesinambungan Perniagaan**

a) Mempunyai Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP), termasuk Pelan Pemulihan Bencana bagi memastikan kesinambungan operasi perniagaan.

## KESIMPULAN

Sistem kawalan dalaman yang wujud di sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan para pelanggan, pihak berkuasa dan kakitangan dan juga aset Kumpulan ini.

Kumpulan Cagamas mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam pengurusan risiko bagi kesemua anak syarikat melalui penilaian risiko malar.

## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI (ERM)

Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) membentuk sebahagian daripada budaya Cagamas dan diterap di dalam amalan dan proses perniagaan. Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja ERM yang merangkumi tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah (BOD), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC), Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (MEC), Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Naib Presiden Kanan, Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Pengurusan Risiko (RMD), Jabatan Audit Dalaman (IAD) dan kakitangan Cagamas.

Rangka Kerja ERM menjurus ke arah mencapai objektif Cagamas, yang meliputi empat kategori:




Selaras dengan rangka kerja ERM, tiga barisan pertahanan dalam pengurusan risiko telah diamalkan dalam Kumpulan. Unit perniagaan yang merupakan barisan pertama pertahanan adalah bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam kegiatan perniagaan mereka. Mereka juga memastikan bahawa aktiviti harian dilaksanakan mengikut polisi, tatacara dan had risiko yang telah ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) yang bebas dan berkecuali, memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua dengan menyediakan sumber yang khusus untuk mengurus dan mengawal risiko secara proaktif. Ini termasuk menilai pendedahan risiko dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. RMD juga bertanggungjawab memastikan polisi pengurusan risiko dilaksanakan dengan sewajarnya.

Jabatan Audit Dalaman (IAD) yang merupakan barisan pertahanan ketiga bertanggungjawab untuk menyemak secara bebas untuk memastikan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada polisi risiko adalah lengkap dan efektif.

## STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Cagamas. Ia berfungsi untuk memastikan pihak Pengurusan mempunyai sistem dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Kumpulan. Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif perniagaan secara keseluruhan dan profil risiko yang diingini oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah turut menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

BRC membantu Lembaga Pengarah di dalam pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan dan memastikan wujudnya pengawasan yang efektif. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan yang menangani risiko-risiko utama yang telah dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pihak pengurusan kanan Kumpulan adalah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan melaksanakan fungsi pengawasan bagi peruntukan modal dan had risiko keseluruhan dan menyesuaikannya kepada tahap kesanggupan menerima risiko seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pihak Pengurusan juga bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa segala prosedur operasi yang sewajar dan berkesan, kawalan dalaman dan sistem untuk menyokong dasar tersebut adalah mencukupi dan berkesan.

RMD bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengukur, menganalisa, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan berkecuali dan juga bertangggungjawab menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Jabatan ini adalah bebas dan berkecuali daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti yang melibatkan risiko dan Jabatan ini melapor terus kepada BRC.




Pihak Pengurusan telah mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama berikut yang dapat menghalang Kumpulan daripada mencapai objektifnya:

| JENIS RISIKO | DEFINISI DAN LANGKAH PENGURUSAN |
|---|---|
| Risiko Strategik | Risiko strategik ialah risiko tidak mencapai strategi korporat dan matlamat Kumpulan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor dalaman seperti kelemahan dalam perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan dan juga faktor luaran seperti persekitaran pasaran.<br><br>Pengurusan risiko strategik ditangani melalui pembabitan Lembaga Pengarah dalam penetapan matlamat strategik Kumpulan. Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang hal-hal yang menjejaskan pelaksanaan strategi korporat dan urus niaga korporat. |
| Risiko Kredit | Risiko kredit ialah potensi kerugian kewangan akibat kegagalan peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontraknya. Dalam Kumpulan ini risiko kredit berpunca dari Pembelian dengan Rekursa (PWR) dan Pembelian tanpa Rekursa (PWOR), program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti perlindungan nilai perbendaharaan.<br><br>Objektif utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had-had kredit secara proaktif bagi memastikan semua pendedahan terhadap risiko kredit adalah dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk menahan potensi kerugian. Kegiatan pelaburan adalah berpandukan kepada polisi dan garis panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Prosedur yang khusus untuk mengurus risiko kredit ditentukan pada peringkat-peringkat perniagaan berdasarkan persekitaran risiko dan matlamat perniagaan. |

| JENIS RISIKO | DEFINISI DAN LANGKAH PENGURUSAN |
|---|---|
| Risiko Pasaran | Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul akibat pergerakan harga dan kadar pasaran. Di dalam Kumpulan ini, pendedahan risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah dan pertukaran mata wang asing memandangkan Kumpulan ini tidak terlibat dalam sebarang kegiatan perdagangan ekuiti atau komoditi.<br><br>Pihak Kumpulan menguruskan risiko pasaran dengan mengenakan had ambang dan memasuki kontrak derivatif. Had ditetapkan berdasarkan selera risiko Kumpulan dan Syarikat dan hubungan risiko pulangan. Had ini sentiasa dikaji dan dipantau. Pihak Kumpulan dan Syarikat mempunyai Sistem Pengurusan Aset Liabiliti yang menyediakan alat seperti analisis jurang tempoh, analisis kepekaan faedah/keuntungan dan simulasi pendapatan di bawah senario yang berbeza untuk memantau risiko kadar faedah/keuntungan.<br><br>Pihak Kumpulan dan Syarikat juga menggunakan instrumen derivatif seperti swap kadar faedah, swap kadar keuntungan, swap mata wang silang dan swap mata wang Islam untuk mengurus dan melindung nilai pendedahan risiko pasarannya terhadap turun naik kadar faedah, kadar keuntungan dan kadar pertukaran mata wang asing. |
| Risiko Kecairan Kewangan | Risiko kecairan timbul sekiranya Kumpulan ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia telah matang.<br><br>Kumpulan menguruskan risiko kecairan dengan mematuhi dasar pendanaan padanan yang ketat di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon yang bersesuaian dengan saiz, tempoh, dan bersandar sendiri dari segi aliran tunai. Mekanisme kecairan kewangan yang sedia ada telah disediakan untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan di samping mengelakkan konsentrasi pendanaan yang berlebihan. Kumpulan merancang aliran tunai dan memantau secara saksama setiap transaksi perniagaan untuk memastikan bahawa dana yang ada mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Kecairan rizab, yang terdiri daripada sekuriti hutang yang boleh dipasarkan, juga diketepikan untuk memenuhi apa-apa kekurangan yang tidak dijangka dalam aliran tunai atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan. |
| Risiko Operasi | Risiko operasi adalah potensi risiko kerugian yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem, atau akibat daripada faktor-faktor luaran. Setiap unit perniagaan atau unit sokongan membuat penilaian sendiri terhadap risiko dan kawalan persekitaran untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko operasi. Kumpulan telah mewujudkan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang menyeluruh yang tertakluk kepada semakan semula yang kerap oleh juruaudit dalaman dan luaran. Pelan Kesinambungan Perniagaan (BCP) juga telah disediakan untuk meminimakan impak gangguan operasi yang tidak dijangka dan mengurangkan masa untuk pemulihan operasi. |
| Risiko Reputasi | Tanggapan tentang reputasi dan imej Kumpulan ini oleh para pelanggan, pelabur, pengawal selia dan masyarakat umum adalah penting bagi Kumpulan untuk terus berkembang dan maju dalam perniagaan dan operasinya. Justeru, risiko reputasi bergantung kepada sifat/model perniagaan, pemilihan pelanggan/rakan niaga dan keutuhan dan keberkesanan proses-proses perniagaan.<br><br>Pemeriksaan yang ketat ke atas pelanggan yang berpotensi dan reka bentuk perniagaan yang selaras dengan piawaian dan pematuhan peraturan kawalan selia yang tinggi diterapkan untuk menjaga reputasi dan imej perniagaan Kumpulan ini. |

| JENIS RISIKO | DEFINISI DAN LANGKAH PENGURUSAN |
|---|---|
| Risiko Ketidakpatuhan Syariah | Risiko sekatan perundangan dan peraturan kawal selia, kerugian kewangan dan implikasi bukan kewangan termasuk kerosakan reputasi yang mungkin dialami oleh Kumpulan muncul dari kegagalan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah badan-badan pengawalseliaan (MPS), piawaian mengenai perkara-perkara Syariah yang dikeluarkan oleh BNM atau nasihat Pensyarah Syariah yang selaras dengan keputusan MPS.<br><br>Pihak Syarikat berunding dan mendapatkan sokongan/pelepasan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islamik bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, pihak Syarikat mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk produk Islamik.<br><br>Audit dalaman yang berkala dilakukan untuk mengesahkan bahawa operasi Islamik yang dijalankan oleh unit-unit perniagaan adalah mematuhi keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden ketidakpatuhan Syariah akan dilaporkan kepada Penasihat Syariah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan, BRC dan BOD. |

## INISIATIF-INISIATIF UTAMA

Berhadapan dengan keadaan operasi yang semakin mencabar, pada tahun 2018 RMD telah melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kemampuan pengurusan risiko seperti berikut:

1. Mengukuhkan Budaya Risiko bagi menguatkan rangkakerja risiko dan struktur tadbir urus

    - Cagamas percaya bahawa budaya risiko yang kukuh merupakan asas pembangunan yang penting bagi tadbir urus risiko yang berkesan. Untuk menerapkan budaya risiko yang betul di kalangan kakitangan di semua peringkat perniagaan dan aktiviti dalam Kumpulan, kakitangan digalakkan untuk mengambil proses pembelajaran yang berterusan dan memaklumkan isu-isu tepat pada masanya.

2. Memastikan portfolio Kumpulan sejajar dengan selera risiko dan strategi

    - Selera risiko adalah komponen yang sangat penting bagi membolehkan pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan memaklumkan, memahami dan menganalisa risiko Kumpulan yang boleh diterima untuk mencapai strateginya. Penyata Selera Risiko disemak semula setiap tahun bagi mengambil kira kesemua risiko yang ketara dan aktiviti perniagaan masa hadapan.

3. Meningkatkan Proses dan Kawalan Pengurusan Risiko

    - Peningkatan berterusan dalam kaedah dan proses pengurusan risiko selaras dengan amalan terbaik di dalam industri dibuat dengan melantik konsultan luar untuk membuat semakan semula secara bebas ke atas Pelaksanaan Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) dan risiko kredit. Tidak ada jurang yang ketara dilaporkan dan cadangan akan dilaksanakan pada tahun 2019.
    - Polisi berkenaan pemulihan kredit telah ditingkatkan dan garis panduan baru telah dibuat untuk menangani risiko kecairan dan memastikan proses kerja keseluruhan berkenaan pemulihan aliran tunai daripada aset-aset liabiliti telah diwujudkan.
    - Kaedah perhitungan Modal Berisiko telah diluluskan manakala harga berasaskan risiko bagi transaksi PWR telah disemak semula di mana jadual harga sedia ada bagi transaksi PWR dikekalkan kerana margin yang terkini melebihi tanda harga minimum.
    - Melangkah ke hadapan, pihak Syarikat akan memanfaatkan Sistem Pentadbiran Pinjaman (LAS) yang pada ketika ini dalam perlaksanaan bagi pemantauan dan laporan tepat pada masanya. Analisa data yang cepat dapat memberi pemberitahuan awal berhubung risiko dan masalah di mana kawalan segera boleh dibuat ke atas isu-isu tersebut daripada terus meningkat naik. Keperluan untuk kakitangan yang mahir dalam mentafsir analisis akan meningkat dan latihan lanjutan akan dijalankan untuk membina kemahiran ini.
    - Teknologi boleh memberi peningkatan yang amat besar ke atas pencapaian tetapi dalam masa yang sama mendedahkan operasi kepada ancaman siber yang semakin meningkat. Cagamas berusaha mengukuhkan daya tahan siber dengan meningkatkan kawalan sekuriti IT secara berterusan. Polisi yang berkaitan, garis panduan dan laporan telah disemak semula dan dipertingkatkan bagi mengukuhkan tadbir urus, pengurusan, pemantauan dan laporan risiko IT.

## PENDEDAHAN KEPADA RAKAN NIAGA MENGIKUT PENARAFAN (PWR)




## PERBANDINGAN DI ANTARA SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS DAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN DALAM PEGANGAN



## SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2018

| | | | | | Konvensional | | | | | Islam | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
